

Jilid I
Bil. 26



Hari Rabu
17hb November, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3199]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983—

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Jadual—

Maksud B. 21 [Ruangan 3242]

Maksud B. 22 hingga B. 25 [Ruangan 3297]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3241]

Anggaran Pembangunan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Maksud P. 21 [Ruangan 3242]

Maksud P. 22 hingga P. 25 [Ruangan 3297]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHKAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).

- Yang Berhormat** **TUAN DAUD BIN HAJI TAHA** (Batu Pahat).
- „ **TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD** (Tumpat).
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA**, P.B.S. (Saratok).
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN**, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ **TUAN FUNG KET WING** (Sandakan).
- „ **TUAN NEWMAN GABAN** (Bandau).
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG** (Bukit Bendera).
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ**, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD SALLEH**, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Pedas).
- „ **TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT**, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG**, J.P. (Labuk Sugut).
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED** (Rantau Panjang).
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN** (Kuala Nerus).
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD**, A.M.K. (Jerai).
- „ **TUAN ISMAIL BIN SAID**, A.M.N. (Kemaman).
- „ **DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI**, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT** (Ulu Rajang).
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA**, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ **TUAN KAN YAU FA** (Tawau).
- „ **TUAN KARPAL SINGH** (Jelutong).
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN** (Tenggaroh).
- „ **TUAN MARK KODING** (Kinabalu).
- „ **DR KOH TSU KOON** (Tanjong).
- „ **DATO LEE KIM SAI** (Ulu Selangor).
- „ **TUAN LEE LAM THYE** (Kuala Lumpur Bandar).
- „ **TUAN LEO MICHAEL TOYAD** (Mukah).
- „ **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH**, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ **TUAN LIM KIT SIANG** (Kota Melaka).
- „ **TUAN LIM LIANG SENG** (Kinta).
- „ **TUAN LING SIE MING** (Sibu).
- „ **TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN** (Ulu Nerus).
- „ **TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB** (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN AHMED SHAH BIN DATO HUSSEIN (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
,, TUAN YE OH POH SAN (Petaling).
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 17hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

INDUSTRI PERKAYUAN—
PENYERTAAN BUMIPUTERA

1. **Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk memperbanyakkan penyertaan bumiputera di dalam industri perkayuan terutamanya bagi mendapatkan kemudahan pembiayaan kewangan bagi menjalankan perusahaan perkayuan dengan lebih berkesan; pengusaha-pengusaha bumiputera biasanya amat sukar untuk mendapatkan pinjaman dari institusi-institusi Kewangan tanpa cagaran; dan
- (b) dalam tahun 1980 ada ura-ura Kerajaan untuk menubuhkan satu tabung yang dinamakan "Tabung Pembangunan Bumiputera dalam Industri Kayu" untuk mengatasi

masalah kewangan bumiputera di dalam industri perkayuan. Apakah perkembangan selanjutnya tentang penubuhan tabung ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, (a) suka saya menjelaskan bahawa pekerja-pekerja Bumiputera dan pengusaha-pengusaha Bumiputera persendirian diberi latihan dalam bidang-bidang tertentu seperti pembalakan, operasi kilang dan eksport kayu oleh agensi-agensi di bawah Kementerian saya iaitu Jabatan Perhutanan dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Rancangan-rancangan latihan yang telah dan sedang dijalankan akan diteruskan untuk faedah pengusaha-pengusaha kayu-kayan Bumiputera.

Mengenai kemudahan pembiayaan kewangan, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya tidak terlibat secara langsung dalam mengadakan langkah-langkah untuk memberi kemudahan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kayu-kayan Bumiputera. Tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian saya dalam perkara ini ialah berhubung dengan badan-badan kewangan Kerajaan untuk meminta mereka menimbangkan masalah pengusaha-pengusaha kayu-kayan Bumiputera yang dibawa ke pengetahuan Kementerian saya, dan cuba melihat sekiranya mereka boleh membuat penyesuaian dalam dasar pinjaman untuk memenuhi kehendak peminjam-peminjam Bumiputera.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, badan-badan kewangan ini mempunyai berbagai skim pinjaman yang boleh diambil faedah oleh pengusaha-pengusaha kayu-kayuan Bumiputera.

(b) Berhubung dengan cadangan menubuhkan satu tabung 'Tabung Pembangunan Bumiputera Dalam Industri Kayu', saya difahamkan pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia masih membincangkan perkara ini dengan pengusaha-pengusaha kayu-kayuan Bumiputera sendiri. Penelitian yang rapi perlu dibuat untuk mendapatkan gambaran yang jelas dari segi peranan dan fungsi tabung tersebut supaya ianya tidak bertindih dengan peranan institusi kewangan Kerajaan yang lain dalam soal pemberian kemudahan kewangan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera.

Tuan Ismail bin Said: Selain daripada langkah-langkah yang diambil, saya ingin tahu ada juga ura-ura pihak Kementerian untuk menubuhkan satu konsortium kilang papan bumiputera. Saya ingin tahu sejauh manakah perjalanan yang diambil bagi memajukan konsortium ini dan setakat ini berapakah jumlah pengilang-pengilang papan bumiputera yang terlibat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, memanglah ada ura-ura hendak menubuhkan satu konsortium bumiputera. Sekarang ini pengusaha-pengusaha sedang menggerakkan penubuhan konsortium-konsortium ini bagi membantu pengusaha dalam masalah kewangan terutama sekali, ianya sekarang dalam proses pendaftaran dan mengenal pasti serta memilih bakal pemegang syernya. Semua pengusaha kayu bumiputera akan diharapkan menjadi ahli dan setakat ini belum lagi dapat ditentukan berapakah jumlahnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut jawapan Yang Berhormat berikan tadi bahawa Kementerian ini tidak ada mempunyai bahagian penyertaan bumiputera dalam menggalakkan bumiputera dalam perindustrian perakyuan. Apakah Kementerian ini bercadang untuk menubuhkan satu bahagian penyertaan bumiputera bagi menggalakkan penyertaan bumiputera di dalam perindustrian kayu ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya sebutkan tadi di dalam MTIB (Perbadanan Perindustrian Kayu Malaysia), memang penubuhan satu bahagian yang bertanggungjawab untuk menentukan supaya penglibatan bumiputera dalam aktiviti perindustrian kayu ini sentiasa akan dijaga dan mengenai tugas, Kementerian saya adalah dapati bahawa apa yang ada sekarang sudah cukup memuaskan. Walaupun begitu, pihak Kementerian sentiasa memberi perhatian dan penitikberatan terhadap penglibatan bumiputera dalam usaha ke arah menentukan bumiputera dalam bidang ini dengan giatnya.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa di dalam perkara kemudahan pembiayaan kewangan ini Kementerian berkenaan tidak terlibat secara langsung. Tetapi Kementerian ada menyelesaikan masalah bumiputera secara tidak langsung dengan memberi sokongan yang kuat. Saya ingin tahu berapakah jumlah bumiputera yang telah dapat diuruskan oleh Kementerian yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah kewangan mereka secara tidak langsung seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kedua, apakah langkah-langkah baru supaya

masalah kewangan ini dapat diselesaikan dengan lebih berkesan lagi oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Setakat ini belumlah dapat saya mengasimilasikan statistik mengenai jumlah yang Kementerian saya telah selesaikan. Saya minta notislah untuk soalan pertama.

Kedua, sebagaimana saya sebut tadi banyak usaha yang tertentu terutama sekali sebagaimana saya sebutkan tadi kita sedang memproses, berusaha untuk menentukan tabung pembangunan bumiputera dalam industri kayu ini akan dapat diteruskan, dapat diwujudkan untuk menjaga kepentingan bumiputera ini. Di samping itu, sebagaimana saya sebutkan tadi dan Yang Berhormat ada sebutkan kita sentiasa berusaha untuk menghubungi pihak-pihak tertentu supaya mereka yang terlibat ini akan dapat diberi pertimbangan dan bantuan yang sewajarnya oleh mereka.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa beberapa jenis latihan diadakan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perusahaan Utama bagi melatih bumiputera untuk menjadi pengusaha-pengusaha dan jenis-jenis pekerjaan yang lain.

Saya ingin tahu jumlah yang dilatih setakat ini dan berapa peratuskah yang telah berjaya menjadi pengusaha-pengusaha bumiputera persendirian.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, jumlah yang sudah dilatih saya boleh berikan tetapi jumlah yang sudah berjaya itu, kerana kejayaan dalam bidang perniagaan ini susah hendak kita tentukan tetapi yang sudah dilatih setakat ini ialah:

Penyelenggaraan	72 orang
Gergaji	

Mengering	dan	56 orang
mengawit		

Kilang papan	56 orang
--------------	-------	----------

Planner Muda	40 orang
--------------	-------	----------

Jadi, inilah mereka yang terlatih.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan berapakah jumlah peruntukan yang mungkin terlibat dengan mewujudkan Tabung Pembangunan Bumiputera dalam industri kayu ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, itu akan ditentukan nanti selepas kajian selesai dibuat ke atas perkara ini.

PERKHIDMATAN TELEFON— SYARAT PERMOHONAN

2. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan syarat-syarat yang diperlukan bagi seseorang pemohon untuk mendapatkan perkhidmatan talipon baik di rumah atau di kedainya; sama ada beliau sedar tentang ketidakpuasan hati di kalangan pemohon-pemohon ini berkenaan dengan kelewatan memasang telefon yang mana kadang-kadang mengambil masa di antara lapan hingga dua belas bulan dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil mengenai perkara ini dan sebab-sebab gagalnya pihak berkuasa telekom untuk memberitahu para pemohon tentang sebab-sebab kelewatan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang Dipertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Telekom tidak mengenakan sebarang syarat kepada pelanggan untuk membolehkan perkhidmatan telefon

diberikan. Kriteria yang diperlukan sebelum sesuatu permohonan diluluskan ialah seperti berikut:

- (1) Dengan adanya kekosongan talian dari tempat alamat permohonan pelanggan sama ada kedai atau rumah hingga ke sesebuah ibusawat;
- (2) Dengan adanya alatan-alatan di ibusawat berkenaan.

Oleh yang demikian, hanya dua syarat tersebut yang perlu dipenuhi oleh Jabatan Telekom sebelum perkhidmatan telefon dapat diberikan kepada pelanggan.

Mengenai kelewatan memasang telefon, ini boleh dipandang dari dua segi iaitu kelewatan selepas permohonan-permohonan tertentu diluluskan dan kelewatan yang berlaku tentang mendapat perkhidmatan telefon pada keseluruhannya.

Dalam hal ini memang saya menyedari bahawa Jabatan Telekom masih belum lagi dapat memenuhi permintaan pelanggan dengan sepenuhnya. Ini adalah kerana Jabatan ini menerima sejumlah lebih kurang 16,000 permohonan pada sebulan dan sehingga kini terdapat seramai 180,000 permohonan di dalam senarai menunggu.

Masalah yang sedang dihadapi oleh Jabatan Telekom sekarang ialah sama ada ketiadaan talian tempat di mana perkhidmatan diperlukan atau sama ada mempunyai alatan-alatan ibusawat di kawasan yang berkenaan. Dalam keadaan demikian, pemohon akan terpaksa menunggu beberapa ketika sebelum perkhidmatan dapat diberi.

Bagi mengatasi masalah sedemikian, Jabatan Telekom telah dan sedang memasang ibusawat-ibusawat tambahan bersesuaian dengan pertambahan permohonan. Jumlah alatan ibusawat akan menjadi 1.0 juta

di akhir Rancangan Malaysia Keempat berbanding dengan cuma 550,000 sahaja di awal tahun 1982.

Tindakan juga telah dan sedang diambil untuk menambah dan merancang banyak lagi rangkaian-rangkaian kabel di kawasan-kawasan yang sedia ada kemudahan itu dan terdapat ramai permohonan-permohonan baru. Ini termasuk di rancangan-rancangan perumahan yang sedia ada dan yang akan dibangunkan.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di kawasan-kawasan yang terdapat kekosongan talian dari tempat pelanggan ke ibusawat serta cukup peralatan di ibusawat berkenaan pihak Telekom akan tetap memberi perkhidmatan kepada pelanggan dalam masa sebulan sahaja selepas permohonan dibuat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya terkejut mendengar ada 180,000 pemohon-pemohon sedang menunggu untuk dipasang telefon di rumah-rumah dan kedai-kedai mereka. Angka ini terlalu besar dan sepatutnya boleh menjadi satu angka petunjuk bagi merancang kemudahan-kemudahan telefon bagi rakyat.

Soalan saya ialah bolehkah atau tidak pihak Kementerian mengadakan satu koordinasi dengan pihak pemaju-pemaju perumahan iaitu sebelum rumah-rumah itu dibina mereka hendaklah memberitahu kepada pihak Kementerian ini berapa buah rumah yang hendak didirikan supaya perkhidmatan telefon akan dapat disediakan serentak dengan siapnya rumah-rumah tersebut seperti yang sekarang dibuat bagi perkhidmatan elektrik dan juga air.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, memang itu adalah cara yang amat baik sekiranya dapat kerjasama dari pihak pemaju perumahan. Tetapi buat sementara ini hanya dalam Kuala

Lumpur sahaja yang dapat menerima cadangan ini supaya sebelum rumah-rumah itu dibina pihak Telekom diberitahu dahulu supaya kita boleh menyelaraskan semua pembinaan untuk melaksanakan perkhidmatan telefon itu.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Seperti yang dimaklumi Pulau Labuan adalah merupakan sebuah pulau yang membangun di dalam segi pembangunan perindustrian. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa di Pulau Labuan panggilan telefon kadang-kadang tidak terdengar daripada Pulau Labuan ke Kota Kinabalu dan sebagainya dan juga ramai orang telah memohon begitu lama

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalan itu perlu diberi notis kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Ini senang. Soalan saya begini, Tuan Yang Dipertua. Adakah Kementerian sedar atas perkara ini kerana sudah ditulis juga di Kementerian seperti yang dijawab. Kalau sedar, apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini iaitu mutu panggilan telefon yang tidak terang dan jelas, kedua, kekurangan telefon, dan ketiga saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan apakah kriteria yang diambil untuk memastikan ataupun menentukan prioriti untuk menambahkan talian telefon ini kerana kita tahu ramai yang meminta.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, jika ada jawapan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya pada keseluruhannya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun telah menjawab

soalan yang bersangkutan dengan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat di negeri Sabah beberapa hari yang lalu.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa Jabatan Telekom sekarang dikenali sebagai "pakar pengorek jalan" iaitu sering diperhatikan bahawa satu jalan itu dikorek untuk menanam kabel dan selepas itu dalam tempoh enam bulan atau setahun dikorek lagi, apakah sebab-sebabnya.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, setahu saya sekiranya pihak Jabatan Telekom telah menjalankan kerja-kerja tertentu tidaklah ada kemungkinan bagi jabatan yang sama untuk menjalankan kerja yang sama dalam tempoh yang singkat itu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Selepas mendengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen tadi, saya tidak berpuas hati di atas jawabannya oleh sebab ini menunjukkan pihak Kementerian tidak ada cadangan atau "long-term planning" dengan izin. Pihak Kementerian hanya menunggu tambahan permohonan selepas itu baru hendak menambah ibu sawat tambahan. Pertanyaan saya ialah kenapa tidak ada cadangan long-term oleh sebab alat telefon sekarang bukan satu alat "luxury". Saya ingin bertanya kenapa tidak ada cadangan untuk long-term.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, untuk membuat rancangan adalah satu perkara sama ada kita mampu untuk melaksanakannya adalah satu perkara yang lain oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun terdapat kemudahan-kemudahan yang lain yang diperlukan oleh rakyat juga. Oleh sebab itu Kerajaan hanya boleh memberi peruntukan tertentu bagi kemudahan-kemudahan telefon ini

dan Kerajaan harus memberi peruntukan-peruntukan yang lain bagi kemudahan-kemudahan yang lain juga. Untuk makluman Yang Berhormat itu bagi tahun 1983 satu peruntukan yang besar iaitu \$347 juta telah diuntukkan bagi Jabatan Telekom untuk menjalankan projek pembangunannya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian ini dalam melayan pelanggan-pelanggan yang memohon telefon ini, saya ingin tahu apakah dasarnya, adakah didahulukan pemohon-pemohon daripada dalam bandar ataupun di luar bandar, kerana terdapat aduan kepada saya pemohon-pemohon di luar bandar agak terlalu lewat untuk mendapatkan bekalan telefon?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, pihak Telekom tidak membezakan layanan atau aduan-aduan yang disampaikan kepada Jabatan Telekom dan semua aduan itu yang diteliti dan disemak dan sekiranya didapati ada benar-benar langkah-langkah yang sewajarnya akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang melaksanakan contract system "turnkey" untuk menyelesaikan masalah iaitu kekurangan perkhidmatan telefon untuk permohonan-permohonan telefon masa sekarang dan masa depan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, inilah ada satu cara yang telah diputuskan oleh Kementerian iaitu buat sementara ini cadangan untuk melaksanakan skim-skim telekom secara besar-besaran secara "turnkey" di mana firma-firma

tertentu diminta membina dengan sepenuhnya dan selepas itu barulah diserahkan kepada Kerajaan.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berkenaan permohonan memasang telefon, biasanya kilang-kilang dan kedai-kedai besar diutamakan. Bukankah ini tidak adil kepada rakyat-rakyat yang lain? Harap Setiausaha Parlimen berkenaan menjelaskan tentang perkara ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, inilah satu perkara yang sukar dijawab sebab terdapat juga aduan yang menyatakan Jabatan Telekom hanya mementingkan orang-orang perseorangan sahaja dan sebaliknya kitapun dapat mendengar bahawa kilang-kilang ataupun faktori-faktori diutamakan, ini menunjukkan kedua-dua pihak dilayan dengan baiknya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Batang Padang. Ini soalan akhir.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya iaitu bukan sahaja diutamakan kilang-kilang dan bandar-bandar tetapi kemasukan telefon di bandar-bandar, pembayaran perkhidmatannya lebih murah daripada luar bandar. Apakah sebabnya terjadi demikian?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, mengenai kadar bayaran ini, kadarnya telah ditentukan oleh pihak Kerajaan iaitu mengikut jarak dari pelanggan ke sebuah ibusawat. Bagi pelanggan-pelanggan yang jauh daripada 4 km daripada sebuah ibusawat itu mereka diminta membayar \$4.00 bagi tiap-tiap kilometer tambahan itu. Selain daripada itu ada satu faktor yang lain iaitu bagi pelanggan-pelanggan yang mendiami di dalam kawasan sesuatu ibusawat yang mempunyai kurang daripada 500

talian mereka dapat menikmati kadar yang lebih murah iaitu \$10 sahaja sebulan.

PEKERJA ISLAM KE KEDAI BUKAN ISLAM

3. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada wujudnya surat pekeliling dari Jabatan Agama yang mengarahkan pekerja-pekerja Kerajaan yang beragama Islam supaya tidak melanggan ke kedai-kedai makan kepunyaan orang-orang yang bukan Islam.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar tentang wujudnya surat pekeliling seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dakwaan Yang Berhormat mengenai perkara ini adalah terlalu umum tanpa menyebutkan surat pekeliling itu dikeluarkan oleh Jabatan Agama manakah. Jika benar ada surat pekeliling seperti itu, adalah diharapkan Yang Berhormat dapat mengemukakan untuk siasatan saya yang lebih lanjut lagi.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berasa tidak mustahak menghantar surat pekeliling kepada semua kedai-kedai yang bukan Islam supaya menyiapkan makanan untuk orang Islam dan meletakkan tanda bahawa kedai ini boleh dimasuki oleh orang Islam dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, menurut pengetahuan saya lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah ada menyebut syarat-syarat makanan bagi orang Islam dan orang yang tidak Islam. Dan kita dapati di

Kuala Lumpur ini sendiri ada kedai-kedai yang dikeluarkan lesen makanan khusus bagi orang-orang yang bukan Islam. Maka ini sudah menjadi satu langkah untuk mengasingkan makanan makanan daripada makanan orang Islam dengan orang yang tidak Islam itu terpulanglah kepada selera masing-masing.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi nyatalah bahawa soalan yang dikemukakan ini ada agakkan dan tuduhan melulu yang tidak berasas. Jika apakah boleh orang Islam memakan makanan yang disediakan oleh orang-orang yang bukan Islam yang kita tahu bahawa orang-orang yang bukan Islam itu mengamalkan makanan-makanan yang haram bagi orang Islam memakan dan mereka sendiri mengamalkan minuman yang haram kepada orang-orang Islam, adakah boleh kita memakan makanan yang disediakan oleh mereka?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, dari segi hukum bagi orang Islam tidak boleh makan seperti minuman keras; with due respect dengan izin, makanan seperti daging babi dan lain-lain lagi dan barang-barang yang tidak disembelih dengan nama Tuhan, orang Islam tidak boleh makan makanan itu. Soalnya hari ini, ada kedai-kedai yang menjual makanan-makanan orang Islam dan juga ada kedai-kedai yang diberi lesen khusus menjual makanan-makanan yang diuntukkan bagi orang yang bukan Islam. Pada hukum orang-orang Islam tidak bolehlah makan makanan yang haram sebab terang dalam Quran pun Tuhan mengatakan yang bermaksud: Wahai manusia, makanlah makanan yang dikeluarkan oleh bumi yang baik lagi halal (good and approved).

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Sebagaimana kita tahu bahawa umat Islam boleh memakan makanan yang dibuat oleh orang bukan Islam asalkan bahan-bahannya adalah terdiri daripada bahan-bahan yang halal. Di sini saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terdapat kedai-kedai makan bukan kepunyaan orang-orang Islam, tuanpunya kedai yang berkenaan tidak tahu tentang pantang larang orang-orang Islam dan sebilangannya meletakkan tanda halal-ditanggung halal katanya tetapi kita tidak tahu siapakah yang bertanggungjawab tentang penanggungan halal ini dan apakah sikap Kerajaan dalam menghadapi perkara yang seumpama ini.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan ada pegawai yang dinamakan Enforcement Officers yakni pegawai-pegawai yang melaksanakan perintah atau undang-undang menyiasat ataupun memeriksa kedai-kedai supaya makanan-makanan yang dihala sahaja dijual kepada orang-orang Islam—ada Enforcement Officers.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di jabatan Perdana Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa ada kedai-kedai kepunyaan orang-orang bukan Islam tetapi menjual dengan bertandakan “makanan untuk orang-orang Islam”, di kedai ini pula seperti terutama ayam disembelih oleh seorang misalnya satu hari dihadkan 20 ekor, tetapi ada kalanya ayam yang disembelih 20 ekor itu habis-tidak sampai satu hari habis, tetapi pelanggan-pelanggan Islam masih banyak, cara tidak langsung tuanpunya kedai tadi tanpa diketahui oleh orang Islam

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalan itu apa?

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Nanti dahulu. Sekejap lagi saya sambung. Saya hendak cerita dahulu kemudian, lepas itu saya soal.

Timbalan Yang Dipertua: Saya ingat cerita itu tidak perlulah. Apa soalnya itu.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Dia kena cerita, Tuan Yang Dipertua, kalau tidak Menteri tidak tahu (*Ketawa*).

Timbalan Yang Dipertua: Saya percaya Yang Berhormat Menteri faham, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuanpunya kedai ini dia sembelih sendiri. Jadi, apakah tindakan selanjutnya oleh pihak Jabatan Perdana Menteri kepada kedai yang berkenaan?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, saya sudah sebutkan perkara ini tadi. Kita ada pegawai yang menjalankan perintah berkenaan dengan makanan dan sebagainya. Jika didapati oleh mereka ayam itu tidak disembelih maka mereka boleh mengambil tindakan dari segi undang-undang kalau didapati dan sah perkara itu.

PEPERIKSAAN— PENYELEWENGAN

4. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa mengikut laporan yang tersiar dalam Berita Harian yang mana calon-calon tertentu telah mengupah orang lain untuk peperiksaannya dan jika benar apakah langkah-langkah akan diambil untuk menentukan perkara yang kurang sihat itu tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya memang sentiasa sedar akan kemungkinan-kemungkinan seperti yang dilaporkan

dan dengan itu memang telah sentiasa memberi perhatian berat terhadap apa sahaja bentuk penyelewengan di dalam peperiksaan. Kementerian Pelajaran juga amat bimbang dengan bahaya yang ditimbulkan oleh berita-berita seperti ini yang boleh menjejaskan kepercayaan orang ramai di dalam dan di luar negeri terhadap credibility dan keutuhan peperiksaan di negara ini. Walaupun demikian, belum ada terdapat bukti jelas yang menunjukkan bahawa ada calon yang mengupah seperti yang didakwa didalam akhbar tersebut yang melibatkan beribu-ibu ringgit. Sekiranya terdapat bukti jelas yang menunjukkan adanya kes mengupah maka sudah tentu pihak Kementerian Pelajaran dengan kerjasama pihak berkuasa polis akan mengambil tindakan sewajarnya memandangkan ia bukan sahaja melibatkan perbuatan menyamar tetapi juga rasuah.

Tuan Yang Dipertua saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada sesiapa sahaja yang mempunyai sebarang maklumat berhubung dengan apa juga bentuk penyelewengan dalam peperiksaan supaya mengemukakannya kepada Kementerian saya dengan serta-merta. Adalah amat mustahak bahawa maklumat yang dikemukakan itu mestilah merupakan bukti-bukti nyata dan bukti-bukti yang sah yang membolehkan penyiasatan dibuat dan proses undang-undang diambil terhadap mereka yang terlibat dan bukannya maklumat yang berdasarkan tohmah serta desas-desus yang tidak dapat dipertahankan dalam penghakiman. Seterusnya suka saya menegaskan bahawa tanggungjawab menegakkan keutuhan sistem peperiksaan kita tidaklah seharusnya diletakkan semata-mata kepada Kementerian Pelajaran dan polis tetapi sebaliknya ia seharusnya menjadi tanggungjawab setiap rakyat yang cintakan keselamatan, keadilan serta keutuhan sistem peperiksaan di negara ini.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut peraturan Lembaga Peperiksaan sesuatu calon boleh memohon untuk memeriksa kertasnya kalau calon itu tidak berpuas hati tentang keputusan peperiksaannya. Soalan saya, Tuan Yang Dipertua, apakah langkah yang ada diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk menyemak sesuatu kertas peperiksaan kalau secara kebetulan didapati melibatkan banyak calon yang gagal dalam satu-satu matapelajaran itu, tanpa permohonan oleh mana-mana calon-calon yang berkenaan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, saya fikir soalan ini keluar daripada soalan asal.

RANCANGAN GERAKTANI

5. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana kejayaan telah tercapai dalam membangunkan tanah-tanah terbiar yang banyak terdapat di luar bandar dan dipunyai oleh Bumiputera melalui Rancangan Geraktani dan penubuhan Pasukan Petugas di peringkat Negeri dan Daerah.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang Dipertua, setakat ini Kementerian telahpun berjaya memulihkan seluas 5,746 hektar (14,193 ekar) tanah sawah terbiar melalui projek-projek pemulihan yang dilaksanakan di Seberang Prai, Kelantan, Perak, Terengganu, Pahang dan Perlis. Seluas 26,262 hektar di Negeri Sembilan dan Melaka telah juga diluluskan pemulihannya di bawah projek Pembangunan Pertanian bersepadu negeri masing-masing. Ketika ini Kementerian sedang mengkaji untuk memulihkan seluas 1,360 hektar di negeri Kelantan dan 2,702 hektar lagi di Seberang Prai.

Projek-projek pemulihan ini dijalankan secara bersepadu dan dengan melibatkan Jabatan dan Agensi-agensi berkenaan serta petani-petani. Pasukan-pasukan Petugas di peringkat Negeri dan Daerah ditubuhkan bagi membantu melancarkan program pemulihan ini.

Dari projek-projek pemulihan yang ditanam dengan padi, hasil yang dicapai adalah memuaskan kerana jumlahnya adalah lebih tinggi dari purata hasil negara bagi seekar.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya rancangan Gerak Tani memang begitu bergerak di dalam negara, tetapi tidak ada negeri Kedah disebutkan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di kawasan Paya Bukit Jenun yang luasnya lebih kurang 6,000 hektar masih tidak diambil berat oleh Kementerian Pertanian sudah lebih 6 tahun atau 7 tahun?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan saya ini tadi tidak menyebut negeri Kedah, bukan kita macam telahpun terlupa terhadap negeri Kedah, bahkan negeri Kedah itulah satu sumber tanaman padi yang begitu besar. Kita ketahui negeri Kedah kalau kita banding dengan negeri lain, negeri Kedahlah yang mempunyai penghabisan besar tanaman padi termasuk skim seperti MADA dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tentu menelitikan tempat yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi oleh kerana kita mempunyai berbagai-bagai rancangan dan juga kita harus menelitikan priority supaya kita membahagikan rancangan tanaman padi ini kalau dapat merata-rata di seluruh negara kita.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak ada disebutkan mengenai keadaan di negeri Selangor, seperti di negeri Kedah, kerana saya tahu iaitu memang di peringkat Negeri dan di peringkat Daerah dalam negeri Selangor, Pasukan Petugas telah ditubuhkan dua, tiga tahun yang lalu dan kitapun telah mengenal pasti bahawa ada hampir 2,000 hektar tanah yang terbiar yang ada dalam kawasan negeri Selangor. Apakah tindakan sehingga hari ini yang telah dilaksanakan oleh Pasukan-pasukan Petugas tersebut?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, jikalau begini saya syorkan supaya para Ahli Yang Berhormat itu membuat soalan yang terasing khas untuk satu-satu State supaya pihak Kementerian ini dapat memberi jawapan yang begitu detail terhadap apa yang dipohonkan oleh para Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyedari bahawa beribu-ibu hektar tanah padi di Kelantan bukan soal terbiar, tetapi tidak dapat diusahakan penanaman padi kerana Rancangan Pengairan Kemubu dan Lemal tidak cukup membekalkan air. Apakah usaha-usaha daripada pihak Kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, ini adalah soalan keluar sedikit daripada soalan asal oleh kerana Yang Berhormat itu bertanya bukan mengenai tanah terbiar, bahkan yang sudah terlaksana (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar

tanah-tanah terbiar ini disebabkan oleh tuan-tuan tanah tidak mengerjakan tanah iaitu, dengan izin, absentee landlords. Oleh itu, apakah langkah-langkah setakat ini yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi tuan-tuan tanah yang tidak mengerjakan tanah ini dan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk dijalankan sewaan oleh pihak LPP bagi mengerjakan tanah seperti ini?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, cadangan yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sekarang telah juga dilaksanakan khususnya di Pulau Pinang dan pada masa ini pihak Kementerian Pertanian juga telah membuat penelitian jikalau ada para yang mempunyai tanah tidak dapat mengusahakan tanah mereka sendiri, pihak LPP juga sanggup mengusahakan tanah tersebut.

TANAH KELAB LUMBA KUDA SELANGOR

6. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah kerana kesesakan lalu lintas pada hari Sabtu dan Ahad dalam Bandaraya Kuala Lumpur menjadikan sebab utama atau lain-lain sebab yang terpaksa Padang Lumba Kuda yang sedia ada itu terpaksa dijadikan Taman Penglipor Lara seperti diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini. Kalau tidak apakah sebab-sebab yang penting sekali padang itu dijadikan Taman Penglipor Lara di tengah Bandaraya bukannya menjadikan Pusat Perdagangan Am.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, masalah kesesakan lalu lintas akibat daripada kegiatan-kegiatan Kelab Lumba Kuda Selangor terutamanya pada hari Sabtu dan Ahad bukanlah menjadi faktor utama yang telah

menyebabkan Kerajaan bercadang untuk mengambil balik keseluruhan kawasan tanah Kelab Lumba Kuda Selangor di Jalan Ampang. Pengambilan balik kawasan tanah ini sebenarnya adalah lebih diperlukan untuk tujuan pembangunan yang menyeluruh, selaras dengan konsep memajukan Wilayah Persekutuan menjadi Ibu Negara yang membangun secara teratur dan mempunyai beberapa kawasan-kawasan yang sesuai untuk tujuan rekreasi, kawasan lapang, kawasan taman dan kawasan-kawasan yang boleh diperindahkan untuk menarik perhatian para pelancung.

Oleh yang demikian, mengikut konsep perancangan dalam konteks pembangunan keseluruhan kawasan Ampang secara tersusun, selain daripada kawasan sekitarnya telah dibangunkan dengan bangunan-bangunan untuk pusat-pusat perdagangan, hotel-hotel dan sebagainya secara komprehensif, adalah didapati kawasan tanah Kelab Lumba Kuda Selangor Jalan Ampang ini sangat diperlukan untuk kegunaan awam terutamanya bagi menjadikan sebahagian besar daripada kawasan tanah itu sebagai kawasan taman. Ini adalah selaras dengan konsep membangunkan Ibu Negara sebagai "garden city" yang maju di rantau Asia Tenggara.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan supaya lumba kuda diharamkan di Malaysia? (*Ketawa*).

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, ini adalah soalan luar daripada soalan asal.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, bolehkah saya diberitahu berapa peruntukan akan dibuat bagi membangunkan kawasan Kelab Lumba Kuda itu bagi dijadikan kawasan rekreasi dan agaknya bila

proses pemindahan kuda lumba itu akan dibuat dan bila projek taman rekreasi itu akan siap?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang Dipertua, kita sebenarnya baru di peringkat awal untuk mengambil langkah untuk menggazetkan mengikut seksyen 4 Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960 dan sehingga ini kita belum ada lagi suatu angka yang tepat berapakah kos sebenarnya yang akan terlibat dari segi membangunkan kawasan itu sebagai tapak ataupun taman rekreasi.

Soalan yang kedua, tadi, bolehkah dapat diulang semula, saya kurang pasti.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji

Yakob: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Seperti yang telah ditetapkan oleh Timbalan Menteri berkenaan tadi bahawa soal kesesakan lalulintas adalah satu daripada faktor yang menjadikan Padang Lumba Kuda itu dijadikan taman yang dikatakan tadi. Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk mengatasi masalah lalulintas ini supaya mengambil ataupun melaksanakan sistem yang ada di Singapura, umpamanya menghadkan bilangan kenderaan masuk ke suatu tempat di bandar pada sesuatu masa yang ditentukan dan juga menghadkan ataupun memastikan

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, itu adalah satu soalan am sahaja. Yang sebenarnya soalan ini adalah mengenai kawasan di sekeliling Padang Lumba Kuda dalam Federal Territory.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji

Yakob: Tetapi Tuan Yang Dipertua, dia ada mengaitkan fasal kesesakan lalulintas tadi. Dia mengatakan dia mengakui kesesakan lalulintas adalah satu daripada faktor. Jadi, itulah saya mengaitkan soalan saya kepada kesesakan lalulintas ini. Kalau tidak

kesesakan, mungkin Padang Lumba Kuda tidak akan dilarikan daripada sana ataupun tidak dijadikan kepada taman.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat ingin menjawab atau tidak?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya telah menjawab tadi bahawa kesesakan lalulintas ini bukanlah menjadi salah satu faktor utama mengapa kita bercadang untuk mengambil tanah ini. Walaupun begitu, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, bagi kawasan Jalan Ampang itu, bagi kawasan Jalan Ampang memang ada rancangan yang telah dan akan kita jalankan bagi memperbaiki keadaan sistem lalulintas di kawasan itu. Yang sekarang ini sudahpun siap dilaksanakan ialah membaiki jalan di persimpangan Jalan Ampang di hadapan Bangunan Angkasaraya, di situ yang sudahpun siap diperbaiki; rancangan seterusnya untuk membesarkan kawasan jalan ini akan dijalankan pada masa-masa yang ke hadapan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Boleh saya ulang soalan saya yang kedua?

Timbalan Yang Dipertua: Boleh.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih. Bahagian kedua tadi, saya hendak bertanya bilakah projek membina taman rekreasi itu akan siap dan bilakah Padang Lumba Kuda itu akan dipindahkan?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa langkah pertama yang akan diambil ialah untukewartakan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960 di mana kerja-kerja awal untuk merintis dan memasuki serta survey kawasan itu akan dilakukan. Selepas daripada kajian peringkat awal di bawah Seksyen 4 itu, kita akan mengambil pula langkah di

bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960 untuk mengambil langkah-langkah selanjutnya dan menyelesaikan masalah-masalah lain berkaitan dengan pengambilan balik tanah itu termasuklah mungkin soal bayaran pampasan dan lain-lain. Saya tidak dapat memastikan sehingga ini bilakah sebenarnya tapak itu akan diambil sepenuhnya oleh pihak Dewan Bandaraya ataupun Kerajaan dan sehingga itu kita tidak dapat mengatakan bilakah Kelab Lumba Kuda itu akan memberhentikan aktivitiinya yang ada di situ?

Timbalan Yang Dipertua: Saya tidak tahu ada begitu banyak peminat lumba kuda dalam Dewan ini (*Ketawa*).

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada satu kawasan yang baru telah diperuntukkan sebagai ganti kepada tapak Kelab Lumba Kuda yang ada sekarang dan sekiranya ada di mana agaknya dan sudahkah diselesaikan?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, belum ada lagi cadangan tapak gantian.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Soalan tambahan. Tadi saya dengan Timbalan Menteri Wilayah mengatakan Kementeriannya akan memindahkan Padang Lumba Kuda itu ke satu tempat yang lain. Ini memang baiklah, dan kemudian pula Timbalan Menteri berkenaan mengatakan untuk memindahkan Kuala Lumpur. Jadi adakah Timbalan Menteri Wilayah sedar bahawa Lumba Kuda itu kita tahu satu perkara maksiat dan adakah Timbalan Menteri sedar bahawa dengan memindahkan kawasan itu pula akan datang pula maksiat seperti di taman-taman bunga dijadikan tempat orang-orang menglipur lara ataupun, dengan izin, "love lane"?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, itu adalah soalan sangkaan sahaja (*Ketawa*).

HAL EHWAL SEMASA— PEMBERITA BUKAN MELAYU

7. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam Rancangan TV, Hal Ehwal Semasa hanya pemberita-pemberita dari satu bangsa sahaja dijemput untuk menyoal tetamu undangan dan jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk menjemput pemberita-pemberita dari bangsa-bangsa lain untuk mengambil bahagian dalam rancangan ini di masa-masa akan datang.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman): Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar anggapan bahawa TV Malaysia hanya menjemput pemberita-pemberita dari satu bangsa atau kaum sahaja dalam Rancangan Hal Ehwal Semasa. Umpamanya dalam empat bulan pertama tahun ini sahaja pemberita-pemberita bukan Bumiputera seperti berikut telah mengambil bahagian dalam Rancangan Hal Ehwal Semasa:

Tarikh	Pemberita	Mewakili
30-3-1982	Kuah Guan Oo	BERNAMA
dan 20-4-1982		
6-4-1982	Wan Sok Tat	Nanyang Siang Pau
13-4-1982	Siew Chong	Nanyang Siang Pau
20-4-1982	K. Padmanabhan	Tamil Osai

Sayugia diingat bahawa RTM sentiasa meminta perwakilan dari Ketua Pengarang Akhbar-akhbar yang berkenaan dan pemilihan pemberita-pemberita tersebut adalah terpulang kepada Ketua-ketua Pengarang yang berkenaan. Oleh kerana Rancangan Hal Ehwal Semasa dikendalikan dalam

Bahasa Malaysia maka pemberita-pemberita yang mengambil bahagian adalah disyaratkan fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia.

KELAPA SAWIT—PETANI KECIL

8. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menggalakkan penanaman kelapa sawit secara kecil-kecilan oleh petani kecilan dan memberi subsidi kepada mereka.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak ada rancangan yang tertentu bagi menggalakkan penanaman kelapa sawit secara kecil-kecilan. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan mempunyai beberapa rancangan di bawah Skim FELDA dan RISDA untuk melibatkan petani-petani dalam tanaman kelapa sawit.

BOT PUKAT TUNDA—BANTUAN KEPADA NELAYAN

9. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah bot "Projek Pukat Tunda" MAJUIKAN yang telah diagihkan kepada nelayan secara individu melalui skim "Sewa beli" dan berapa buahkah yang masih menjalankan operasinya pada masa ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, sehingga Ogos 1982 ini sebanyak 189 buah bot Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telahpun diserahkan kepada nelayan secara sewa beli yang mana hanya 50 buah sahaja ialah bot pukat tunda. Bilangan bot yang lain adalah dari jenis bot-bot pukat jerut, bubu dan bot serbaguna. Kesemua 50 buah bot ini masih berjalan.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu pecahan mengikut bangsa nelayan perseorangan yang telah diberikan bot seumpama itu. Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu juga sebab mengapa setengah nelayan itu tidak menggunakan bot-bot mereka itu?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, saya memohon supaya mendapatkan notis untuk soalan Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana soal itu begitu penting sebab detilnya banyak. Jadi, saya minta supaya diberi jawapan bertulis.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soal tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa sebanyak 50 buah bot pukat tunda yang telah diagihkan kepada individu secara "Sewa beli" masih dan sedang menjalankan operasinya sehingga ke saat ini. Saya dapat tahu ada sebilangan dari mereka yang terpaksa tergendala turun ke laut disebabkan oleh bot-bot pukat tunda ini rosak enjin, koyak pukat kerana enjin bot-bot tersebut adalah enjin lama dan pukat itu adalah pukat lama. Jadi soalnya adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk menggantikan enjin bot yang sering rosak itu dan pukat yang sudah lama itu dengan enjin yang baru dan pukat yang baru agar mereka boleh keluar sentiasa ke laut dan kerosakan jarang berlaku. Yang kedua, saya juga dapat tahu bahawa enjin yang diberikan itu adalah jenis Volvo. Jadi soalan saya adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk mengganti enjin jenis Volvo kepada enjin yang lebih murah dan lebih tahan seperti enjin Yanmar ataupun enjin Coming.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, saya dapati bahawa jawapan saya tadi sangat bercanggah dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu.

Maklumat yang saya berikan sebagai jawapan di sini adalah saya anggap tepat oleh kerana sebelum saya dapati jawapan ini kita teliti keadaan dahulu dan pasti sekali jawapan saya itu adalah benar. Walau bagaimanapun, syor Ahli Yang Berhormat itu terhadap jenis enjin yang diberi kepada para nelayan kita, perkara ini akan diteliti dengan baik. Jika benar, sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita akan mengambil perhatian.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa setakat ini sebanyak 189 buah bot yang diserahkan oleh LKIM kepada nelayan secara sewa beli. Saya ingin tahu, pertama berapakah nilai sewa beli bagi tiap-tiap buah ini dan jangka masa sewa beli itu berkuatkuasa dan syarat-syarat dikenakan?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, tentu sekali bergantung kepada jenis bot dan nilainya juga jenis enjin yang digunakan oleh bot-bot tersebut.

PERKHIDMATAN TELEFON DI IPOH

10. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Ibusawat Telefon Ipoh tidak boleh melayani permintaan bagi talian-talian telefon yang baru dan oleh yang demikian tiada talian-talian baru diberikan dan pemohon-pemohon hanya boleh dipertimbangkan tahun depan; akibatnya perniagaan-perniagaan baru terjejas tidak dapat diusahakan dengan sempurna, dan dengan demikian menjadi satu kerugian kepada pendapatan negara;

(b) mengapa tidak ada perancangan yang cukup dijalankan terlebih dahulu supaya keadaan sekarang ini tidak seharusnya berlaku; dan

(c) bilakah talian-talian baru boleh didapati dan sama ada kemudahan-kemudahan baru seperti ini telah dirancangan dengan cukupnya kali ini untuk mempasti bahawa tiada ulangan keadaan sekarang ini di masa depan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, memang saya sedar bahawa ibusawat telefon di Ipoh pada masa ini tidak dapat memberi perkhidmatan kepada semua pemohon. Ini adalah disebabkan muatan ibusawat berkenaan yang berjumlah 20,400 talian telah dipenuhi. Walau bagaimanapun perkhidmatan telefon ke kawasan berkenaan boleh diberikan dengan menggunakan ibusawat Tasek yang masih dapat menawarkan perkhidmatan kepada seramai 187 pelanggan.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Telekom Malaysia telahpun membuat rancangan untuk menambah muatan kedua-dua ibusawat berkenaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Di bawah Rancangan ini muatan ibusawat Ipoh akan ditambahkan dengan 20,000 keupayaan talian ibusawat berjenis SPC (Store Programme Control).

Setakat ini kerja pemasangan ibusawat ini telah 25% siap dan dijangka siap dengan sepenuhnya pada bulan Jun tahun 1983, manakala muatan ibusawat Tasek pula akan ditambah sebanyak 10,000 keupayaan talian ibusawat dan dijangka siap pada penghujung tahun 1983. Di samping penambahan muatan talian ibusawat yang sedia ada terdapat di bawah

Rancangan Malaysia yang Keempat untuk membina 2,000 ibusawat baru di kawasan Ipoh seperti berikut:

<i>Ibusawat</i>	<i>Jumlah muatan</i>	<i>Jangka siap tahun</i>
(i) Pasir Puteh	10,000 talian	1984
(ii) Jelapang	5,000 talian	1984

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di kawasan Ipoh, buat sementara waktu ini terdapat seramai 11,840 penunggu pada 31hb Oktober tahun ini dan permohonan baru pada puratanya ialah 700 orang sebulan. Berdasarkan atas angka-angka ini adalah diharapkan bahawa dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya itu, talian tambahan itu dapat memenuhi sebahagian besar keperluan kawasan Ipoh.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

Kursus peringkat sekolah rendah—Peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PPAK):

<i>PPAK</i>	<i>TAHUN 1 Pengambilan Tahun 1982</i>	<i>TAHUN 2 Pengambilan Tahun 1981</i>	<i>TAHUN 3 Pengambilan Tahun 1980</i>	<i>Jumlah</i>
PPAK (AM)	2,289	1,145	111	3,545
PPAK (I)	1,356	900	—	2,256
PPAK (C)	552	705	—	1,257
PPAK (T)	102	86	—	188
PPAK (PI)	144	146	—	290
PPAK (MU)	88	98	—	186
JUMLAH ..	4,531	3,080	+111	7,722

GURU PELATIH DI MAKTAB PERGURUAN

11. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) Jumlah guru-guru pelatih di tiap-tiap Maktab Perguruan di Malaysia sekarang mengikut kursus latihannya iaitu PPAK (AM), PPAK (I), PPAK (C), PPAR dan sebagainya.

(b) Jumlah bilangan pemohon dan pengambilan untuk memasuki Maktab-maktab Perguruan bagi tahun 1982. Sila beritahu juga angka-angka pecahannya mengikut kaum.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): (a) Untuk pengetahuan Yang Berhormat jumlah guru pelatih yang kini mengikuti kursus perguruan asas di Maktab-Maktab Perguruan Malaysia adalah seperti berikut:

Kursus peringkat sekolah menengah rendah—Peringkat Pendidikan Awal Remaja (PPAR):

<i>Kursus</i>	<i>Tahun 1 (1982)</i>	<i>Tahun 2 (1982)</i>	<i>Tahun 3</i>	<i>Jumlah</i>
PPAR	2,116	1,936	*77	4,129
JUMLAH BESAR — PPAK † PPAR	6,647	5,016	188	11,851

† Kursus PPAK (AM) tiga tahun bagi pelatih berkelulusan SRP/LCE di Negeri Sabah: M.P. Sandakan—28 orang, M.P. Kent—83 orang.

* Kursus Pertukangan tiga tahun di M.P. Teknik—77 orang.

(b) Pada tahun 1982 terdapat seramai 41,849 orang calon telah memohon untuk mengikuti kursus asas perguruan. Daripada jumlah tersebut seramai 31,034 pemohon adalah terdiri dari Bumiputera, 8522 Cina, 2071 India dan 222 terdiri dari lain-lain kaum.

Jumlah calon yang diambil mengikuti kursus ialah 6647 orang yang terdiri dari 4764 orang Bumiputera, 1434 Cina, 426 India dan 23 orang dari lain-lain kaum.

PENYAKIT KISAR DI SAWAH PADI

12. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan berapa jumlah hektar sawah padi yang dilanda oleh penyakit “kisar” di seluruh negeri Kedah dan Perlis pada musim yang lalu dan berapa pula taksir kerugiannya dan adakah beliau bercadang untuk memberi ganti rugi kepada mereka yang dilanda penyakit tersebut dan apakah jaminan dan ikhtiar supaya penyakit padi yang dahsyat itu tidak menyerang lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Luhah Wan: Kementerian saya telah banyak membuat kajian mengenai penyakit padi tetapi setakat ini tidak ada penyakit “kisar” yang telah menyerang padi di kedua-dua negeri tersebut.

PETRONAS—BIASISWA BUMI-PUTERA DI SARAWAK

13. Datuk Edwin anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan bilangan murid-murid kaum Bumiputera dari Sarawak yang telah dapat melanjutkan pelajaran mereka ke seberang laut melalui biasiswa dari PETRONAS.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Bilangan murid-murid kaum Bumiputera dari Sarawak yang telah dapat melanjutkan pelajaran mereka ke seberang laut melalui biasiswa dari PETRONAS adalah seperti berikut:

Amerika Syarikat . .	8
United Kingdom . .	3
Kanada	15
JUMLAH . .	26

LESEN LORI “C”— PERMOHONAN

14. Tuan Eng Cheng Kuai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar sebahagian besar permohonan-permohonan lori “C” ditolak kerana sebab-sebab teknik iaitu ketidaklengkapan borang permohonan, dan jika ya, sama ada Borang CL 10 yang

berkenaan akan direka semula dan dikemaskinikan dengan garis panduan yang terang.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kementerian saya memang menyedari bahawa ada permohonan-permohonan lesen lori "C" ditolak kerana sebab-sebab teknik iaitu ketidaklengkapan borang permohonan. Antara lain tujuan borang permohonan ialah untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan pemohon. Di samping itu salah satu kriteria dalam pemilihan calon-calon yang layak untuk dipanggil temuduga ialah mengisi dan mengemukakan borang yang lengkap. Oleh yang demikian sekiranya borang yang dikemukakan tidak lengkap, ini bermakna Kementerian saya tidak dapat mengetahui latar belakang pemohon dan permohonan tersebut terpaksa ditolak.

Berhubung dengan borang permohonan yang digunakan iaitu CL 10, Kementerian saya sedang meneliti berkenaan dengan kesesuaiannya. Tindakan-tindakan sedang dijalankan untuk mengemaskinikan maklumat yang perlu diisikan di dalam borang berkenaan bagi memudahkan urusan pemilihan pemohon-pemohon yang layak. Adalah diharapkan pindaan ke atas borang tersebut akan memudahkan orang ramai mengisi borang permohonan mereka.

FELDA—PENEROKA RANCANGAN

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberi angka-angka pecahan mengikut kaum terbaru mengenai peneroka rancangan-rancangan FELDA dan nyatakan apakah tindakan yang sedang diambil untuk memastikan rancangan-rancangan tanah FELDA mencerminkan penduduk berbilang bangsa di Negeri ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Sehingga 31hb Oktober, 1982 seramai 73,942 peneroka telah ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Pecahan Kaum	Bilangan Peneroka
Melayu	71,613
China	1,249
India	1,431
Lain-lain	35
JUMLAH ..	<u>74,328</u>

FELDA ada mempelawa calon-calon bukan Bumiputera untuk menyertai rancangan-rancangannya. Sungguhpun demikian semenjak FELDA ditubuhkan hingga baru-baru ini, sambutan dari kaum bukan Bumiputera untuk memasuki rancangan FELDA didapati sangat dingin dan ramai pula di antara mereka yang telah diberi tempat tidak melapor diri dan meninggalkan rancangan. Hanya beberapa tahun kemudian didapati sambutan daripada kaum bukan Bumiputera telah meningkat. Adalah diramalkan bahawa dengan sambutan yang baik daripada calon-calon bukan Bumiputera dan persetujuan Kerajaan Negeri berkenaan, ramai lagi kaum bukan Bumiputera akan dapat ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA di masa-masa yang akan datang.

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA—MATLAMAT

16. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pertanian menyatakan peranan dan penyusunan baru yang akan dijalankan oleh LKIM untuk membaiki taraf hidup nelayan di negara ini.

Tuan Luhah Wan: Peranan yang dimainkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tidak berubah iaitu untuk mencapai matlamat-matlamat berikut:

- (a) Memperbaiki kedudukan-kedudukan sosio-ekonomi nelayan-nelayan; dan
- (b) Memperkembang dan memajukan perusahaan-perikanan.

Memanglah benar bahawa LKIM telah menyediakan satu rangka strategi baru untuk mencapai matlamat dalam membangunkan taraf hidup nelayan di negara ini. Strategi baru ini menumpukan kepada usaha untuk memudahkan penyaluran bantuan dan perkhidmatan Kerajaan kepada nelayan-nelayan supaya mereka dapat menerima perkhidmatan-perkhidmatan untuk meningkatkan tahap produktiviti mereka. Strategi tersebut dilaksanakan melalui konsep pembangunan kawasan nelayan yang merupakan satu program pembangunan bersepadu yang menitikberatkan ke atas sikap berdikari serta penglibatan kaum nelayan. Jentera dalam struktur dan perlaksanaan konsep ini ialah Pusat Pembangunan Nelayan (PPN) yang akan ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa dengan ahli-ahli yang terdiri daripada kaum nelayan dan ajensi yang berkenaan.

Mengikut strategi pemasaran baru nelayan-nelayan akan diberi galakan, pimpinan dan bantuan untuk menjualkan tangkapan mereka secara

berperingkat-peringkat berdasarkan kepada keupayaan sesuatu persatuan berkenaan. Dalam peringkat awal nelayan akan diberi segala khidmat sokongan pemasaran untuk menjualkan tangkapan mereka melalui persatuan mereka. Dalam peringkat yang berikut persatuan akan diberi sokongan dan bantuan untuk menjalankan kegiatan jualborong di dalam bandar-bandar utama supaya mereka dapat memborongkan bekalan ikan secara langsung tanpa melalui pemborong-pemborong swasta.

PEMOHON KE UNIVERSITI TEMPATAN

17. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pemohon-pemohon untuk memasuki ke pusat-pusat pelajaran tinggi (Universiti) di negeri ini bagi sesi 1982/83, dan beri jumlah bilangan yang telah berjaya menurut kaum serta pusat-pusat pelajaran tinggi yang tersebut.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Bilangan pemohon untuk memasuki kursus ijazah di universiti-universiti tempatan mengikut kaum pada sesi 1982/83 adalah seperti berikut:

Bumiputera	10,409
Cina	6,964
India	1,428
Lain-lain	721
JUMLAH	19,522

Bilangan yang berjaya mengikut kaum di tiap-tiap universiti ialah:

<i>Universiti</i>	<i>Bumi</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>B. Bumi</i>	<i>Jumlah</i>
UM	1,067	834	206	26	1,066	2,133
UKM	1,057	443	109	13	565	1,622
USM	539	413	92	13	518	1,057
UPM	652	236	60	7	303	667
UTM	260	78	19	3	100	341
JUMLAH	3,575	2,004	486	62	2,552	6,127

SUNGAI KRIAN (SUNGAI ACHEH)—KAWASAN SEMPADAN

18. Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan memandangkan penyerahan balik Daerah Dinding (Manjong), Pulau Pangkor, Pulau Sembilan, Pulau Jarak dan kawasan bersempadan Sungai Krian (Sungai Acheh) mengikut perjanjian pangkor kepada pemerintahan Negeri-negeri Selat untuk menjalankan tindakan menghapuskan keganasan perompak lanun di laut Selat Melaka dan pada tahun 1933 semua kawasan yang menjadi hak mutlak Negeri Perak itu telah diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri Perak kecuali kawasan di Tebing Sungai Krian (Sungai Acheh) yang tidak dikembalikan balik kepada Kerajaan Negeri Perak:

- (a) mengapakah kawasan Sungai Acheh itu tidak diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri Perak;
- (b) adakah pihak Kerajaan akan mengkaji semula tentang kedudukan yang sebenarnya berkenaan dengan kawasan Sungai Acheh itu; dan
- (c) siapakah yang berhak menentukan sempadan negeri-negeri di Malaysia ini.

Dato' Rais Yatim:

- (a) Pertanyaan ini semata-mata melibatkan perkara sempadan di antara Negeri Perak dan Negeri Pulau Pinang dan jawapan kepadanya tidak berbeza daripada jawapan yang diberi kepada pertanyaan No. 26 oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dalam Dewan ini pada 12hb Oktober, 1982 yang lalu dan

juga oleh saya sendiri kepada pertanyaan No. 15 pada 10hb November, 1982 yang lalu.

- (b) Sekiranya ia memerlukan kajian dan tindakan oleh itu negeri-negeri yang terlibat bolehlah membawa perkara ini ke meja perundingan, sebagaimana pertikaian di antara Negeri Kedah/Pulau Pinang yang mana telahpun selesai. Walau bagaimanapun sebarang kajian yang dibuat nanti, hendaklah berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang.
- (c) Wilayah-wilayah bagi tiap-tiap satu negeri tersebut ialah wilayah-wilayah yang terkandung dalam Negeri itu sebelum sahaja Hari Malaysia, iaitu sebelum sahaja 16hb September, 1963. Dalam lain perkataan, sempadan bagi sesebuah Negeri dalam Malaysia adalah sempadannya pada sebelum sahaja 16hb September 1963, iaitu pada 15hb September, 1963. Walau bagaimanapun, di bawah Perlembagaan Persekutuan, sempadan mana-mana Negeri boleh diubah oleh Parlimen dengan undang-undang tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Negeri itu (yang dinyatakan dibuat undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-raja. Cara-cara mengubah sempadan mana-mana Negeri adalah terkandung dalam perkara 2 (b) Perlembagaan Persekutuan.

ORANG ASLI—PERUBAHAN CARA HIDUP

19. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kemajuan dan perubahan cara hidup yang telah dicapai oleh kaum Orang Asli di negara ini sejak Kerajaan memberi bantuan kepada mereka melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Sejak 20 tahun yang terakhir ini, masyarakat Orang Asli telah dan sedang mengalami banyak perubahan dari segi sosial dan ekonomi.

Dari segi sosial, perubahan yang paling ketara ialah perubahan hidup masyarakat Orang Asli daripada satu masyarakat separa berpindah (semi-nomadic) kepada masyarakat tetap (sedentary). Proses penetapan (sedentarization) ini bolehlah dianggap sebagai di antara kejayaan-kejayaan awal Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Proses penetapan (sedentarization) ini memudahkan Jabatan merancang supaya berlakunya perubahan-perubahan sosial seterusnya. Perubahan-perubahan yang dimaksudkan itu ialah seperti berikut:

Wujudnya satu sistem nilai, dengan izin, "world-view" dan ethos yang berteraskan nilai-nilai nasional, di kalangan Orang Asli.

Orang-orang Asli pada amnya menggunakan "nama-nama Melayu" untuk anak-anak mereka.

Pakaian mereka pada amnya dipengaruhi oleh fesyen-fesyen pakaian orang Melayu.

Orang-orang Asli kini pada amnya memasak cara Melayu.

"Habitat" Orang Asli pada masa ini jelas mirip kepada habitat masyarakat Melayu.

"Bahasa Malaysia" telah lama diterima sebagai "lingua-franca" walaupun kesemua 18 suku kaum Orang Asli mempunyai bahasa tersendiri.

Kemajuan dan perubahan telah juga berlaku di segi materialisma. Keadaan ini wujud dari kejayaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan yang membawa kepada perubahan sosial dan ekonomi masyarakat Orang Asli. Dengan lain-lain perkataan, Orang-orang Asli telah dapat mencapai nikmat pembangunan hasil dari perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi seperti perkhidmatan pelajaran, perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi.

Hasil dari pelaksanaan rancangan-rancangan ini maka wujudlah kumpulan-kumpulan dan individu-individu Orang Asli yang setaraf dengan kumpulan-kumpulan lain dari segi ekonomi dan sosial, serta mempunyai nilai-nilai yang tidak jauh bezanya, malahan sama sahaja, dengan ahli-ahli masyarakat lain di Malaysia.

Pada amnya tidaklah boleh dinafikan bahawa masyarakat Orang Asli hari ini jauh bezanya dari keadaan 30 atau 20 tahun dahulu. Tidaklah boleh dinafikan bahawa kemajuan dan perubahan ke satu tahap yang lebih baik itu telah berlaku oleh kerana adanya "commitment" yang positif dari Kerajaan untuk membangunkan masyarakat Orang Asli.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan, 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Keenam).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 21 (Jadual)—

*Maksud P. 21 (Anggaran
Pembangunan 1982)—*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan memberi jawapan pada jam 5.15 petang ini.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk menyambung ucapannya. Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

3.37 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya mohon untuk menyambung ucapan saya dan saya hanya menimbulkan satu perkara lagi dan ini ialah berkenaan dengan hal ehwal pengguna.

Mengenai hal ehwal pengguna, saya suka menyatakan bahawa terdapat satu peruntukan sejumlah \$200,700 kepada hal ehwal pengguna untuk tahun depan. Meskipun saya merasakan bahawa peruntukan ini adalah amat kecil, dengan adanya satu bahagian perunding pengguna di dalam Kementerian, saya berharap suatu yang lebih bermakna dan positif yang boleh dilakukan oleh Kerajaan bagi melindungi kepentingan-kepentingan pengguna dan membantu menggalakkan hal ehwal pengguna. Ini adalah lebih perlu memandangkan kepada kenyataan yang sentiasa yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan bahawa para pengguna boleh memainkan satu peranan yang penting dalam membendung inflasi di negara ini. Dalam hubungan ini, saya berasa bahawa walaupun kenyataan Kerajaan itu dihargai, tetapi mestilah disedari bahawa hasrat dan matlamat Kerajaan dan rakyat hanya boleh dicapai jika kita mempunyai satu pergerakan pengguna yang kuat dan tersusun

dalam negara ini untuk menolong memerangi inflasi dan kenaikan harga yang tidak adil.

Di Malaysia terdapat banyak hal yang mana Kerajaan boleh melakukan untuk memperkuat pergerakan pengguna. Satu cara ialah bagi Kerajaan memberi peruntukan kewangan yang besar kepada Badan-badan Pengguna yang berminat melaksanakan berbagai projek yang bertujuan menggalakkan kepada hal ehwal pengguna. Satu cara yang lain yang patut diambil oleh Kerajaan ialah memperkenalkan satu Akta Perlindungan Pengguna yang comprehensive untuk memastikan perlindungan yang secukupnya kepada para pengguna. Di bawah Undang-undang ini peruntukan boleh dibuat untuk menubuhkan sebuah Majlis Hal Ehwal Pengguna dan perlantikan seorang Pesuruhjaya Hal Ehwal Pengguna.

Mengenai hal ehwal pengguna, saya juga suka menggesa Kerajaan supaya menubuhkan tribunal tuntutan pengguna ataupun Consumers Claim Tribunal bagi menolong pengguna mendapatkan pampasan tanpa mengeluarkan bayaran yang mahal. Dalam sistem ini seorang pengadil atau referee akan dilantik oleh Kerajaan untuk mempengerusikan tribunal dan tugasnya ialah untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul di antara pengguna-pengguna dan peniaga mengenai hal ehwal pengguna, pengadil yang berusaha supaya pengguna-pengguna dan peniaga yang berbalah boleh mencapai satu penyelesaian. Jika penyelesaian tidak dapat dicapai, pengadil kemudiannya boleh membuat satu keputusan yang hendak diterima oleh kedua-dua pihak.

Tuan Pengerusi, berhubung perkara penguatkuasaan, saya suka mencadangkan bahawa Bahagian

Penguatkuasa hendaklah memastikan bahawa semua barang mempunyai tanda harga supaya pengguna akan memperolehi layanan yang adil dan mengetahui bahawa mereka membayar harga yang betul untuk barang-barang yang dibeli. Dalam hubungan ini, saya suka menggesa Kementerian yang berkenaan supaya mewajibkan pemakaian tanda "bebas cukai" di atas tanda harga bagi barang-barang yang bebas cukai. Semua iklan yang berkaitan dengan barang-barang bebas cukai hendaklah juga dikehendaki menandakan bahawa harga tersebut adalah bebas cukai. Seruan pemimpin-pemimpin Kerajaan baru-baru ini supaya rakyat menghentikan pembelian beberapa jenis barang sehingga harga jenis tersebut turun tidak boleh dipelopori melainkan para pengguna mengetahui sama ada harga yang ditawarkan itu ialah bebas cukai. Tanda harga yang ada perkataan "bebas cukai" akan juga boleh menolong memberitahu pengguna di atas rangkaian barang-barang yang dijual dan yang mana mereka boleh atau patut membelinya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.41 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut di dalam Bekalan 21—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Program (c) Penyertaan Bumiputera.

Saya mengambil bahagian di dalam penyertaan bumiputera ini memandangkan bahawa penyertaan bumiputera dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini adalah tidak begitu mengambil bahagian, tidak begitu membuat aktiviti yang lebih berkesan dan janganlah kita menganggapkan penyertaan bumiputera dalam Kementerian ini merupakan satu

penyertaan bumiputera di dalam Kementerian-kementerian yang lain tetapi penyertaan bumiputera di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini merupakan sebagai nadi ataupun sebagai nyawa atau merupakan sebagai penggerak kepada kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Tanpa penyertaan bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian bererti Dasar Ekonomi Baru akan tidak mencapai matlamatnya dan ini akan menjadikan bahawa penyusunan masyarakat di dalam ekonomi tidak akan tercapai sebagaimana yang dikehendaki. Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan memperbesarakan penyertaan bumiputera dengan menambah ahli-ahli dan pegawainya kepada yang lebih ramai daripada apa yang ada sekarang dan yang lebih penting lagi ialah aktiviti yang akan dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini bagi menentukan bahawa penyertaan bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian akan berjalan. Kita tidak mahu hanya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini mengadakan penyertaan bumiputera hanya sebagai untuk melepaskan batu di tangga dan menyelesaikan perusahaan dan perindustrian yang kecil-kecil, kerana dalam perindustrian yang kecil-kecil ini boleh kita serahkan kepada MARA, KEMAS dan badan-badan kecil tetapi bagi Kementerian ini sepatutnya mengadakan penyertaan bumiputera dalam perusahaan dan juga perindustrian yang lebih besar, yang lebih menguntungkan, yang lebih memberi modal ekuiti yang lebih banyak kepada bumiputera di dalam menegakkan kehendak dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, Dasar Ekonomi Baru akan berterusan dalam tahun 1990 sebagaimana yang didakwa oleh beberapa pihak di dalam Dewan ini adalah merupakan sempadan yang tidak boleh dilampaui daripada tahun

1990 tetapi tahun 1990 ialah mempunyai target atau guideline yang menentukan bahawa apakah pada tahun itu Dasar Ekonomi Baru yang dirancang selama ini mencapai matlamatnya. Kalau sekiranya tidak mencapai matlamatnya mungkin satu target baru akan dicipta oleh Kerajaan demi untuk menyusun masyarakat dan memperimbang sebarang yang tidak seimbang, terutamanya dalam perindustrian dan perdagangan yang ada sekarang ini. Kalau kita telitikan setelah selama 10 tahun Dasar Ekonomi Baru ini diadakan tetapi penyertaan bumiputera di dalam bahagian ini adalah jauh daripada mencapai kejayaan yang sebenarnya dan ini adalah merupakan Kementerian ini walaupun tidak sepenuhnya tetapi sebahagian besar daripadanya untuk menyertakan bumiputera dalam perindustrian ini mestilah datangnya dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan kita tidak boleh menganggapkan bahagian ini merupakan bahagian sebagaimana bahagian-bahagian yang terdapat dalam Kementerian-kementerian lain.

Tuan Pengerusi, apa yang saya sebutkan ini adalah merupakan matlamat kejayaan Dasar Ekonomi Baru kita. Kegagalan Dasar Ekonomi Baru yang kita lakukan sekarang ini sebenarnya akan menemui matlamat dan sekiranya kegagalan berlaku dan juga apa-apa persoalan yang timbul bagi tidak meneruskan Dasar Ekonomi Baru ini adalah orang itu atau golongan itulah yang bertanggungjawab untuk menggagalkan ini. Apabila keadaan ini berlaku sudah tentu ada golongan yang menanggung di air keruh sebagaimana mereka ini menentang kepada pertambahan perbelanjaan di dalam pertahanan, katanya negara ini telah aman, begitulah tentangnya terhadap meneruskan perbelanjaan dan Dasar Ekonomi Baru, juga penyertaan bumiputera di dalam segala bidang yang saya sebutkan tadi. Jadi kalau

sekiranya keadaan Dasar Ekonomi Baru gagal, sudah tentu akan menciptakan huru-hara dan jika sekiranya pertahanan negara ini tidak akan dapat diteruskan bermakna huru-hara akan berlaku, apabila huru-hara berlaku maka ada golongan yang akan menanggung di air keruh dan mengeksploitasikan keadaan ini untuk memburuk-burukkan Kerajaan. Oleh itu kepada pihak yang bertanggungjawab tidak akan terhenti kepada apa yang disebutkan itu di dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru, terutama dalam penyertaan bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian dan janganlah menjadi satu asas, menjadi satu target bahawa selepas daripada tahun tersebut maka kita mesti lepas kepada awang-awangan, mesti lepas bumiputera berlumba-lumba dengan pihak-pihak yang telah mendapat kejayaan dan kekayaan dalam negara ini.

Kalau ini dilakukan, sudah tentu akan berlaku keadaan yang sebaliknya kerana di antara mereka yang telah mendapat kemudahan, telah mendapat kesenangan, telah mendapat keuntungan yang besar daripada perdagangan dan perindustrian yang ada dalam negara ini telahpun memonopoli ataupun telah merangkumi semua aktiviti-aktiviti yang ada. Kalau kita melihat kepada prestasi aktiviti yang ada dalam buku inipun tidak banyak yang dijalankan oleh penyertaan bumiputera. Penyertaan bumiputera di dalam aktiviti yang disebutkan di sini hanya dalam Bahagian Pengedaran Bumiputera. Jadi kalau inilah penyertaan bumiputera dalam perdagangan ini hanya di dalam bahagian pengedaran sahaja maka sudah tidak cukup dan tidak sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak ataupun rakyat yang mahukan bahawa penyertaan bumiputera ini akan memainkan peranan penting di dalam menentukan penyertaan bumiputera dalam perindustrian dan perusahaan.

Sekali lagi saya tegaskan bahawa perusahaan dan juga perindustrian dan penyertaan bumiputera di dalam Kementerian ini adalah merupakan nadi yang akan menghidupkan, yang akan menentukan kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dengan adanya keadaan yang ada sekarang, misalnya bahawa penyertaan bumiputera ini tidaklah wujud di negeri-negeri dan daerah-daerah sebagaimana yang diharapkan dan sepatutnya bahagian ini diperbesar dan diwujudkan di tiap-tiap negeri dan diwujudkan di tiap-tiap daerah supaya benda ini dapat diketahui oleh rakyat yang inginkan kepada pertolongan dan penyertaan di dalam sebarang perindustrian dan perdagangan.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya kita tidak melakukan perkara ini daripada awal-awal lagi dan sebagaimana yang ada sekarang hanya di peringkat-peringkat negeri dan di peringkat-peringkat daerah hanya sebagai penyalas kepada yang ada di peringkat Kementerian dan tidak berhati-hati di dalam perkara ini, sudah tentu penyertaan bumiputera yang ada dalam Kementerian ini adalah merupakan adanya sahaja sebagaimana adanya penyertaan ini di dalam Kementerian-kementerian lain tetapi sepatutnya Kementerian inilah merupakan satu kumpulan yang akan menentukan, yang akan meninggikan dan juga yang akan memberi kesan yang baik kepada kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, dengan dasar "Memandang ke Timur" yang dilancarkan oleh Kerajaan 2M pihak Jepun ada mendapat satu tempat yang istimewa dalam perkembangan ekonomi dan perindustrian apabila

bertanding dengan lain-lain negara. Tetapi saya rasa sangat mustahak bahawa dasar "Memandang ke Timur" bukanlah satu jalan sehalu sahaja tetapi adalah dapat reciprocation daripada pihak Jepun.

Dalam perkara ini saya rasa ada satu ketidak seimbangan dan ketidakadilan ialah dalam perhubungan antara Jepun dengan Malaysia dalam imbalan perdagangan (balance of trade) yang sangat tidak berfaedah dan pun dalam perhubungan perdagangan (trading relationship). Dalam 4 bulan yang pertama dalam tahun 1982 eksport kita ke Jepun daripada Semenanjung Malaysia sudah menurun daripada \$954.2 juta apabila yang dicatat dalam 4 bulan yang terawal dalam tahun 1981 sudah menurun daripada angka itu kepada \$733.5 juta yang terdiri daripada komoditi-komoditi semacam crude petroleum ialah \$369.9 juta, bijih timah \$349.7 juta, getah \$34 juta, kelapa sawit \$20.8 juta dan pneumatic valves and tubes, photocells dan lain-lain \$21.5 juta. Sebaliknya import-import Malaysia daripada Jepun adalah satu angka yang besar iaitu \$1.71 billion dan dalam 4 bulan awal tahun ini yang terdiri daripada product-product perkilangan, jentera-jentera dan alat-alat dan tentulah dasar "Memandang ke Timur" dan kejayaan pihak Jepun untuk membekalkan plant-plant, alat-alat yang besar oleh kerana ada beberapa projek raksaksa dijalankan oleh pihak Jepun adalah di antara sebab-sebab import daripada Jepun sudah mendapat satu tahap yang begitu tinggi. Saya rasa negara kita adalah dalam satu keadaan yang tidak favourable dan saya harap bahawa perhubungan perdagangan ini boleh diletakkan di atas satu asas yang lebih sihat dan khasnya apabila kita ambil perhatian bahawa setengah eksport kita ke Jepun ialah daripada crude petroleum dan kita tidak patut berpuas hati menjadi, dengan izin, "hewers of wood and drawers of water" apabila banding dengan Jepun dan kita mesti

dapat satu perhubungan perdagangan yang lebih equitable bukan sahaja daripada nilai perdagangan tetapi pun dalam isi kandungan perdagangan.

Di sini saya harap bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh melancarkan satu kerja yang lebih vigorous dan aggressive untuk membukakan pasaran-pasaran Jepun supaya product-product perkilangan Malaysia boleh dapat lebih access kepada pasaran-pasaran Jepun sejajar dengan dasar "Memandang ke Timur".

Tuan Pengerusi, Malaysia ada dapat satu potensi yang besar untuk industri agro-based dan sehingga sekarang belum dapat digunakan baikpun untuk pasaran tempatan atau pasaran luar negeri, baikpun dalam bidang semacam industri-industri rubber-based atau kegiatan-kegiatan downstream yang lebih sophisticated dalam processing kelapa sawit atau makanan "canned" atau lain-lain bidang. Tetapi sungguhpun industri yang berlandaskan getah atau rubber-based industry Malaysia semenjak tahun 1972 ada bertambah empat kali dengan kadar pertumbuhan penggunaan getah, tiap-tiap tahun bertambah 13.6% dalam tempoh tahun 1972 kepada tempoh 1980 saya rasa bahawa kita lagi satu jalan jauh daripada peringkat di mana kita boleh menjadi manufacturer yang premium dalam rubber-based products.

Satu contoh yang baik, Tuan Pengerusi, ialah footwear di mana Malaysia boleh menjadi satu manufacturer yang terbesar di dunia ini tetapi saya ingat "scope" ini tidak boleh didapati apabila kita ambil perhatian bahawa 45% nilai jualan daripada footwear dikeluarkan di Malaysia ialah untuk eksport tetapi competitor yang terbesar ialah daripada South Korea dan Taiwan dan kedua-dua negara ini bukan negara yang mengeluarkan getah dan sebab itulah saya rasa patut menjadi satu

tujuan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjadikan Malaysia sebagai manufacturer footwear yang utama di dunia ini dan lain-lain product yang rubber-based semacam tayar dan komponen-komponen motor, latex products baikpun untuk carpet-backing industry dan lain-lain pun ada potensi yang besar.

Di tahun lalu Malaysia ada eksport 1.5 juta tan getah tetapi kita baru menggunakan 68,000 tan untuk industri-industri tempatan. Saya rasa patut Kerajaan mengadakan satu strategi industri agro-based di mana kita boleh menggunakan setengah juta tan getah untuk industri-industri rubber-based di negara kita dalam 10 tahun.

Tuan Pengerusi, keadaan tidak tentu (uncertainty) mengenai Dasar Ekonomi Baru baikpun mengenai target atau spend masa boleh mempengaruhi atau merosakkan kepercayaan pelaburan di negara kita baikpun tempatan atau luar negeri dan melambatkan atau membantutkan perusahaan industrialisasi. Baru-baru ini kita ada dengar lebih dapat reference yang banyak memandangkan masa Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 sungguhpun tidak ada apa yang rasmi. Saya rasa bahawa tidak certainty ini mengenai target 30% penyertaan dan milikan bumiputera dalam semua bidang perusahaan dan perdagangan pun bagi menimbulkan syak wasangka baikpun untuk global atau untuk firma-firma individu dan sungguhpun pada masa yang tidak lama dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa angka 30% ialah satu angka yang global tetapi kita nampaknya baru-baru ini ada dapati bahawa angka ini boleh dilaksanakan untuk projek-projek yang spesifik khususnya selepas tahun 1990. Saya rasa perkara-perkara ini patut dijelaskan untuk mendapat kepercayaan pelaburan di negara kita.

Tuan Pengerusi, untuk negeri Melaka yang baru boleh maju daripada segi ekonomi melalui industrialisasi dan pelancungan saya harap bahawa pihak Kerajaan boleh menubuhkan satu office MIDF di Melaka untuk menyelaraskan dengan Kerajaan Negeri Melaka, untuk merancangkan perkembangan perindustrian di negeri itu. Di masa ini industrialisation di Melaka nampaknya ada diberi fikiran yang tidak central sebagai "after thought" dan saya rasa ini tidak patut diteruskan dan dengan satu pejabat MIDF dan Tourist Promotion Board di negeri Melaka, saya rasa usaha-usaha yang lebih central boleh diberi untuk perkembangan perindustrian di Melaka.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya mahu timbulkan ialah mengenai harga runcit gula. Sungguhpun pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada beberapa kali memberi sebab kenapa harga runcit gula tidak boleh diturunkan sungguhpun harga gula dunia sudah jatuh, saya rasa tidak memuaskan sesiapa. Semasa dalam soalan di mesyuarat Parlimen ini Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk Kementerian yang berkenaan ada berkata bahawa oleh kerana kontrak-kontrak gula yang long-term yang Malaysia ada tandatangani dengan Australia dan Fiji ada mencegah atau tidak membenarkan penurunan harga runcit gula. Tujuan kontrak gula long-term dengan Australia dan Fiji ialah untuk menjamin bekalan gula yang cukup dengan satu harga yang stabil. Tetapi nampaknya sekarang kontrak-kontrak tersebut sudah menjamin ada perbekalan gula yang cukup tetapi dengan harga yang sangat exorbitant.

Sebenarnya tahun 1978 apabila Kerajaan re-negotiated kontrak gula yang long-term dengan Australia dan Fiji yang membekalkan 60% perbekalan gula kita, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

melalui Setiausaha Parlimen ada memberi tahu Dewan ini bahawa dengan kontrak yang sudah direnegotiated harga runcit gula masa itu 60 sen sekati di Semenanjung Malaysia dan 70 sen sekati di Sabah dan Sarawak boleh dikekalkan dan masa itu pun Timbalan Menteri untuk Kementerian tersebut, Dato' Abdul Manan Othman sekarang Menteri Pertanian ada berkata pada 15hb April 1978 bahawa Kerajaan ada mengambil keputusan untuk mengekalkan harga runcit gula untuk lima tahun. Tetapi nampaknya jaminan ini telah dimungkiri, dipecah dengan satu series kenaikan harga runcit untuk gula yang bermula dari Oktober, 1980, bila sebenarnya semenjak bulan Oktober, 1980 harga gula dunia sudah jatuh 80% tetapi harga runcit gula di Malaysia sudah naik 30%.

Dalam masa ini tiada apa-apa renegotiation mengenai kontrak gula yang long-term dengan Australia atau dengan Fiji. Ini menunjukkan bahawa sebenarnya kontrak long-term dengan Australia dan Fiji dalam tahun 1978 untuk menjamin harga gula dikekalkan di peringkat 65 sen sekati di Semenanjung dan 70 sen sekati di Sabah dan Sarawak sudah gagal. Saya harap bahawa Kementerian berkenaan boleh mengulangkaji perkara ini dan oleh kerana dengan sebab-sebab yang saya telah berikan yang menunjuk bahawa sebab yang diberi oleh Kementerian ada long-term kontrak itu tidak boleh diterima bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh dengan serta-merta sekurang-kurangnya revert harga runcit kepada masa Oktober, 1980 iaitu 65 sen sekati untuk Semenanjung Malaysia dan 70 sen sekati untuk Sabah dan Sarawak. Sungguhpun daripada Oktober, 1980 harga gula dunia sudah jatuh 80% kita tidak bercadang bahawa harga runcit gula diturunkan 80% tetapi revert kepada masa Oktober, 1980 sahaja. Saya rasa ini sangat patut dan harap

pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kerajaan Barisan Nasional boleh memenuhi janji bahawa kontrak-kontrak gula itu boleh mengekalkan harga runcit gula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling.

4.04 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Pengerusi, ingin saya sentuh Maksud Pembangunan P. 21, muka surat 201, Butiran 2 mengenai Perbadanan Kemajuan Pelancungan dan juga Butiran 11 Bahagian Industri-industri Kecil.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang besar sebanyak \$11,600,000 kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan dalam tahun 1983 adalah hampir dua kali ganda daripada peruntukan tahun 1982. Walaupun pelancungan ada membawa penukaran asing (foreign exchange) namun belanja untuk memperbaiki usaha ini mestilah ditimbang dengan pilihan lain dalam masa kemelesetan ekonomi yang kita alami sekarang. Sebagai contoh, kurangnya bilik-bilik hotel dalam negara ini, tiada industri besar yang bergantung dengan perniagaan pelancungan, sebaliknya, sekiranya kita melawat tempat-tempat yang kononnya menjual barang-barang cenderamata untuk pelancung, maka kita dapati barang-barang jualan itu adalah barang-barang yang diimport dari luar negeri dan bukannya dari buatan industri negara ini.

Tuan Pengerusi, bukankah baik wang yang banyak itu digunakan untuk kegunaan yang lebih baik lagi? Sebagai contohnya, hanya \$2,600,000 sahaja diuntukkan kepada Bahagian Industri-industri Kecil. Industri-industri kecil ini akan memainkan peranan penting dalam industri Malaysia ataupun dalam proses industrialisation-membekalkan perkhidmatan penting yang diperlukan oleh industri-industri besar. Sektor

inilah yang sepatutnya diberi peruntukan besar seimbang dengan peranan yang dimainkan oleh mereka dalam ekonomi. Saya harap lebih lagi peruntukan yang berpatutan diamalkan, terutama sekali kepada industri kecil.

Agensi Kerajaan juga sepatutnya menggalakkan lebih lagi industri kecil. Saya syorkan kepada Kerajaan supaya mengarahkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mengadakan rancangan supaya memberi bantuan kepada bakal-bakal penanam modal dalam industri kecil. Ini bukan sahaja akan merupakan bantuan Kerajaan oleh agensi Kerajaan yang mahir dalam segi penanaman modal industri, tetapi ia akan dianggap betapa seriusnya Kerajaan dalam menggalakkan sektor ini. Dengan ini industri kecil dalam negara ini akan mendapat bantuan untuk meluaskan usaha mereka dari Bahagian Industri kecil di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga MIDA.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh P. 21 muka surat 201 Butiran 9 berkenaan dengan Bangunan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Satu peruntukan sejumlah \$13 juta telah diuntukkan bagi bangunan MIDA dalam tahun 1983. MIDA adalah satu agensi Kerajaan yang penting yang memainkan peranan untuk menggalak dan membantu bakal-bakal penanam modal industri antarabangsa untuk mendirikan kilang-kilang di Malaysia.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan kemelesetan ekonomi di masa ini, kita mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari penanaman modal. Saya harap MIDA akan dapat memainkan peranannya dalam usaha menentang kemelesetan ekonomi yang kita hadapi pada masa ini. Banyak telah diperkatakan tentang usaha MIDA mencari penanaman modal dari luar negeri. Saya ingin mengingatkan

MIDA supaya jangan meninggal dan melupakan bakal penanam modal dalam negara ini. Masih banyak lagi modal yang boleh didapati dalam negara ini yang mana dapat membantu menentang kemelesetan ekonomi negara yang sedang kita hadapi. Bakal-bakal penanam modal tempatan ini tidak boleh dianggap kecil dan langkah-langkah yang wajar hendaklah diambil untuk mendapatkan modal-modal ini.

Tuan Pengerusi, sekiranya MIDA tidak mendapat sambutan dari penanam modal tempatan ini, perkara ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Sebaliknya, punca dan sebab-sebab kurangnya sambutan dari penanam modal tempatan mestilah dicari dan juga di atasi. Iklan yang paling baik bagi sesebuah negara untuk menarik penanaman modal asing ialah dari hasil usaha, tekun dan jayanya penanam modal rakyat negara itu. Untuk menarik penanam modal tempatan, dasar ekonomi kita mestilah lebih liberal dan kita mesti mengkaji semula sebahagian dari dasar ekonomi kita masa ini.

Tuan Pengerusi, ingin saya sentuh B. 21, muka 191, Butiran 1100, Program (3) (a) Kemajuan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, industrialisation, dengan izin, bagi ekonomi Malaysia telah dikenali sebagai satu faktor penting dalam perkembangan ekonomi negara kita. Industrialisation adalah satu perkara penting di mana kita akan dapat membawa negara kita ke taraf hidup negara-negara O.E.C.D. (Organisation for Economic Co-operation and Development). Langkah dan perhatian terhadap industrialisation dalam negara ini telahpun mula diambil. Industri-industri yang ada dalam negara ini telahpun diminta oleh Kerajaan supaya meluaskan lagi usaha mereka dalam semua jurusan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sedar betapa pentingnya kemajuan industri dalam negara ini diteruskan.

Tuan Pengerusi, dari masa ke semasa, Kerajaan telah menumpukan perhatian khas terhadap beberapa buah industri tertentu, sementara di masa lain pula sekumpulan industri akan dapat perhatian Kerajaan, menggalak dan menasihatkan industri-industri ini supaya menanam modal semula, mengeksport lebih lagi dan sebagainya. Nampaknya, Kerajaan tidak mempunyai rancangan sepenuhnya untuk menyatukan aktiviti ini seolah-olahnya Kerajaan bertindak dengan tidak tentu hala.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat sudahlah sampai masanya kita mengadakan satu pelan induk untuk kemajuan industri dalam Malaysia, dengan izin, industrialisation master plan.

Tuan Pengerusi, pelan induk industrialisation ini akan dapat menentukan taraf industri kita yang ada pada masa ini. Ianya akan dapat menggambarkan keteguhan dan kelemahan industri kita. Pelan induk ini juga akan dapat membezakan kedudukan industri kita dengan industri negara lain di seluruh dunia, terutama sekali dengan negara-negara yang telah berjaya mencapai ekonomi ataupun yang maju seperti Korea, Taiwan dan juga Jepun.

Tuan Pengerusi, cadangan pelan induk ini akan juga mengenalkan cara bagaimana industri kita dapat berkembang lagi sebagaimana yang dikehendaki. Hanya dengan pelan induk ini sahaja kita dapat mengharapkan perkembangan pesat dalam sektor industri negara.

Tuan Pengerusi, pelan induk industrialisation yang saya cadangkan ini adalah serupa dengan peta jalan yang baik yang menunjukkan ke mana kita akan pergi dan bagaimana kita akan sampai ke tempat yang kita tuju. Saya menyeru Kerajaan supaya mengadakan pelan induk ini dengan

segera supaya negara kita dapat melalui satu masa industrialisation yang pesat?

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada B. 21, Butiran 1100 Program (2) (b), muka 191 berkenaan Perdagangan Antarabangsa.

Saya berasa bangga mengetahui bahawa Kerajaan telah berjaya mengatur beberapa misi atau rombongan perdagangan. Misi-misi ini adalah untuk faedah pasaran tradisi kita seperti negara EEC (European Economic Community), Amerika Syarikat dan juga Republik Rakyat China.

Tuan Pengerusi, perdagangan dengan Republik Rakyat China dijalankan melalui agensi Kerajaan mereka sementara import dari negara China ke Malaysia diselenggarakan melalui Pemas Trading. Kebanyakan eksport kita ke negara China adalah komoditi seperti getah dan kelapa sawit. Barang-barang buatan Malaysia sangat kurang dieksport ke negara China sekalipun misi-misi perdagangan Malaysia telah dihantar ke negara China beberapa tahun yang lalu. Malaysia terus mengimport barang-barang buatan China dengan banyaknya.

Tuan Pengerusi, perdagangan kita dengan negara China tidak seimbang dan berat sebelah, oleh kerana pada masa depan negara China sedang mengeluarkan getah dengan banyak lagi. Kedudukan perdagangan kita dengan negara China akan bertambah buruk lagi, khususnya bila mana banyak rancangan-rancangan tanaman semula diadakan dekat kawasan Hainan, di China. Sementara eksport barang-barang buatan Malaysia terpaksa melalui agensi-agensi Kerajaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan China, maka adalah perlu bagi Kerajaan kita memainkan peranan terus (direct role) supaya

menentukan banyak lagi barang-barang buatan Malaysia dapat dieksport ke negara China. Langkah serupa ini dapat menentukan kedudukan Malaysia supaya seimbang dari segi perdagangan dengan negara China dengan erti kata yang lain urusan menerusi badan Kerajaan dengan badan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau badan-badan yang Kerajaan yang dilantik boleh bertindak sebagai agensi penjual barang-barang buatan Malaysia. Agensi penjual ini sebagai badan Kerajaan akan mempunyai pandangan dan taraf rasmi yang boleh diterima oleh agensi Kerajaan China. Tambahan pula agensi serupa ini dapat membantu kerja-kerja Pemas Trading sebagai agensi untuk membawa masuk barang-barang buatan China. Dengan langkah serupa ini maka barulah dapat kita menandingi pertumbuhan pasaran China.

Tuan Pengerusi, di bawah peraturan yang ada pada masa ini dengan negara China, eksport pasaran barang-barang buatan Malaysia ke negara China melalui Kerajaan dengan Kerajaan adalah sangat sesuai. Sektor swasta dalam Malaysia yang membuat barang-barang ini akan membekalkan agensi Kerajaan ini dengan pengetahuan teknik yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, sekiranya cadangan saya ini tidak dapat diterima oleh Kerajaan, saya minta Kerajaan supaya menimbang dengan serius cara-cara mengadakan satu peraturan di mana pengeksport Malaysia diberi kebebasan penuh secara perseorangan untuk bertemu muka dengan bakal pelanggan-pelanggan di negara China (face to face dealing)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Yeoh Poh San: Perdagangan Antarabangsa, Tuan Pengerusi, muka 191 . . .

Tuan Pengerusi: Ada banyak lagi Yang Berhormat?

Tuan Yeoh Poh San: Tiga minit lagi. Sekiranya perkara ini tidak dilaksanakan, maka perdagangan kita dengan negara China akan menjadi lebih berat sebelah yang hanya menguntungkan China dan lebih lagi merugikan Malaysia.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya ingin sentuh B. 21, muka 192 Butiran 1100, Program 4 (a) berkenaan dengan Unit Penguatkuasaan. Dalam negara membangun seperti Malaysia, pengguna-pengguna (consumers) mestilah diberi perlindungan yang secukupnya daripada penjual-penjual yang tidak bertanggungjawab dengan menaikkan harga-harga barang, membuat akaun palsu dan mengurangkan ukuran serta timbangan. Undang-undang untuk melindungi pengguna-pengguna telah diadakan. Beberapa kejayaan telah dicapai dalam mendakwa penjual-penjual yang tidak amanah yang dapat diberkas kerana menipu orang ramai. Malangnya, angka kejadian menipu terus bertambah dengan pesatnya. Kerajaan mestilah meneruskan usaha yang lebih giat lagi dalam melaksanakan undang-undang untuk melindungi pengguna-pengguna.

Tuan Pengerusi, Kerajaan hendaklah menekankan supaya hukuman berat dijatuhkan ke atas semua kes yang didakwa supaya penjual-penjual yang tidak amanah ini sedar bahawa pengguna-pengguna mempunyai hak mendapat perlindungan daripada ditipu daya oleh penjual-penjual yang tidak bertanggungjawab.

Penjual-penjual yang amanah yang lebih banyak daripada penjual-penjual yang tidak amanah dalam negara ini akan terjejas dengan perbuatan dan amalan penjual-penjual yang tidak amanah ini. Saya yakin penjual-penjual amanah yang banyak dalam

negara ini mahu melihat pengguna-pengguna diberi perlindungan yang lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rantau Panjang.

4.20 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya bercakap mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian B. 21 dan P. 21, Butiran 2300, Program (2) (c) dan (3) (b), muka surat 194 dan 195 masalahnya Penyertaan Bumiputera dan Kemajuan Perusahaan Kecil.

Tuan Pengerusi, saya suka dalam masa yang ringkas ini untuk mengumumkan keyakinan saya bahawa berdasarkan kepada usaha-usaha yang telah dilakukan sedikit sebanyak oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam bidang yang saya cakapkan tadi bahawa pada hemat saya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah gagal dalam menjalankan tugasnya walaupun tidak, sedikit sahaja mencapai kejayaan. Sebab saya melihat ada dua masalah.

Masalah yang pertama, dalam hendak mencapai Dasar Ekonomi Baru yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan sebagai kedudukan bumiputera sebanyak 30% yang akan dicapai pada tahun 1990, pada saya melihat perjalanan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam bidang ini, saya tidak yakin bahawa Dasar Ekonomi Baru ini akan dapat dicapai sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan sekarang ini. Dan hakikat ini tidak perlu kita menyembunyikannya, lebih baik dalam Dewan yang mulia ini kita dedahkan hakikat ini dan kita mengakui dengan terang-terang, walaupun bagi pihak saya, saya merasa 30% bumiputera yang telah ditentukan dalam bidang ekonomi itu, saya rasa itu terlalu rendah. Melihat kepada

komposisi rakyat bumiputera dalam Malaysia ini, seharusnya 30% itu ditingkatkan lebih tinggi lagi sebanyak 50% atau 60%.

Tuan Pengerusi, masalah yang saya hendak sentuh kerana saya datang daripada Kelantan, biarkanlah saya sentuh masalah penyertaan bumiputera dalam negeri Kelantan yang kebetulannya pula Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu datangnya daripada orang Kelantan. Negeri Kelantan hanya merupakan satu-satunya sisa-sisa ataupun baki daripada negeri-negeri yang masih lagi dikuasai oleh kaum bumiputera sedikit sebanyak dalam bidang ekonominya dan dalam kehidupan sosialnya dan dalam bilangan penduduknya. Tetapi setelah melihat selama 5 tahun sahaja pihak Kerajaan Barisan Nasional dapat menguasai negeri Kelantan maka kita melihat kaum bukan bumiputera telah menyerang dan menyerbu negeri Kelantan sekarang ini, begitu hebat sekali bukan sahaja rumah-rumah yang baharu didirikan dan diduduki oleh mereka sama ada dibeli ataupun disewakan tetapi setiap gudang yang baharu dibangunkan di bandar Kota Bharu diduduki oleh kaum bukan bumiputera yang menjalankan perniagaannya yang mempunyai kedudukan kewangan yang teguh, yang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan yang tinggi, yang mempunyai pelajaran yang cukup sedangkan kedudukan kaum bumiputera yang ada di Kelantan tersepit, tidak dapat pembelaan sepenuhnya, walaupun usaha telah dilakukan oleh pihak Kerajaan menerusi bermacam-macam ajensinya.

Tuan Pengerusi, negeri Kelantan penuh dengan bumiputera yang menjalankan perusahaan sama ada secara kecil-kecilan ataupun secara sederhana. Perusahaan batik termasyor di Kelantan tetapi batik sekarang sedang menghadapi penyakit cancer yang hebat. Beratus bahkan beribu-ribu pengusaha batik di

Kelantan sudah gulung tikarnya akibat bermacam-macam tekanan yang datang. Tidak tertahan dengan kebanjiran batik dari luar negeri yang banyak merempuh masuk ke batas sempadan negeri Kelantan ataupun daripada Selat Teberau yang kita dapati harganya lebih murah daripada kain-kain batik yang diusahakan oleh bumiputera negeri Kelantan sendiri.

Selain daripada itu negeri Kelantan juga terkenal sebagai sebuah negeri yang banyak pengusaha-pengusaha terdiri daripada pemborong-pemborong bumiputera, pertukangan-pertukangan tangan, songkit, tembaga, perusahaan perak termasyor di Kelantan tetapi semuanya sekarang berada dalam hayat mazboh, iaitu kata orang "hidup segan mati tak mahu". Mengenai kedudukan pemborong-pemborong bumiputera pula, contohnya bagaimana kegagalan mereka. Baru-baru ini Persatuan Pemborong Negeri Kelantan mendapat satu habuan yang tidak perlu ditender lagi—sub-tender sahaja oleh pihak PERNAS untuk memborong membuat lebuh raya di Ulu Kelantan yang bernilai sebanyak \$50 juta. Lebih kurang 20 pemborong bumiputera mendapat sub-tender daripada PERNAS tetapi sekarang 20 pemborong bumiputera sekarang sedang menghadapi saat-saat hembusan nafas yang akhir dan ada syarikat bumiputera terpaksa menyeret PERNAS kemuka pengadilan kerana mengalami kerugian yang teruk.

Contohnya, bila pihak pemborong bumiputera menyiapkan segala peralatan untuk menjalankan kerja-kerja yang telah ditugaskan oleh pihak PERNAS itu, sedang mesen-mesen yang disewa begitu mahal masuk ke pendalaman, tiba-tiba pihak PERNAS memberi tahu jangan menjalankan usaha-usaha itu sebelum daripada kami menjalankan survey dahulu tempat itu. Kalau survey itu memakan masa sehari, dua hari, seminggu, dua minggu

tidak apa, tetapi sampai 70 hari yang menyebabkan syarikat itu terus tumpas dan sekarang terpaksa membawa kes itu ke mahkamah kerana mengalami kerugian. Jadi, bila keadaan yang seperti ini dialami oleh pengusaha bumiputera maka seluruhnya akan mengatakan inilah keadaan bumiputera tidak berusaha-tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik tetapi masalah sebenarnya tidak dikaji lebih dahulu. Jadi sebab itu, saya menyarankan dalam Majlis ini, supaya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengadakan satu penyelidikan yang betul khusus bagi negeri Kelantan kalau benar-benar berkehendakkan supaya penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan itu dapat berkesan, mengadakan satu blue print, membuat strateginya dan mengatur program-programnya, cara macam mana dalam tempoh 5 tahun untuk menolong dan membangunkan penyertaan bumiputera dalam perdagangan ini. Walaupun begitu, saya harap kalau pun kita tidak tercapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang kita hendak capai 30% itu, tetapi usaha ini, insya Allah sedikit sebanyak akan dapat mengatasi kelemahan-kelemahan bumiputera dalam bidang perdagangan.

Tuan Pengerusi, selain daripada usaha yang seperti itu, pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga seharusnya memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga bumiputera atau perusahaan-perusahaan kecil terutama di Kelantan mendaftarkan syarikat-syarikat itu secara teliti kerana kadang-kadang sifat bumiputera ini dia menjalankan perniagaan dan dia dapat kejayaan sedikit sebanyak dalam bidang perniagaan tetapi dia tidak suka menonjolkan diri dan meminta pertolongan, walaupun kalau dia dapat pertolongan itu dia dapat lipatgandakan lagi kemajuan. Jadi, syarikat-syarikat yang seperti ini, yang seharusnya diteliti oleh pihak

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengumpulkan mereka, mendaftarkan mereka menjadi satu golongan yang perlu diberi bantuan walaupun mereka tidak meminta bantuan, memberi kemudahan kewangan, memberi kemudahan dari segi kepakarannya dan memberi peluang-peluang perniagaan yang baik, menjadi agen-agen daripada syarikat-syarikat yang sudah established. Dengan cara yang seperti itu, kedudukan penyertaan bumiputera khususnya di Kelantan akan dapat membetulkan kedudukannya kembali untuk mencapai kemajuan sedikit sebanyak.

Satu lagi kelemahan yang didapati, janganlah ada, saya harap dalam pertimbangan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dari pihak Kerajaan Barisan Nasional ini sewaktu hendak memberi pertolongan kepada bumiputera dalam bidang perniagaan, janganlah mengamalkan dasar pilih kasih, memberi keutamaan pertolongannya hanya kepada golongan-golongan yang menyokong partinya sahaja. Biarkanlah tidak mahu memberi pertolongan kepada penyokong-penyokong parti Pembangkang, tetapi berilah pertolongan kepada pengusaha-pengusaha yang benar-benar menjalankan perniagaannya supaya mereka dapat berjaya dalam perniagaan mereka.

Malah contoh yang saya hendak kemukakan di sini sebagai renungan kita bersama kerana kita orang yang bertanggungjawab, Kerajaan Barisan Nasional sekarang bertanggungjawab kepada seluruh rakyat dalam Malaysia ini tidak kira sama ada rakyat itu penyokongnya ataupun bukan penyokongnya, itu tanggungjawab pihak Kerajaan Barisan Nasional, tetapi dalam pelaksanaannya, contoh saya hendak kemukakan, apa yang berlaku di Pasar Besar Pasir Mas, Kelantan yang baru sahaja dibuka. Di dalam pasar Pasir Mas yang baru

kerana yang lama sudah terbakar, didirikan pasar baru itu dua tingkat dengan harga berjuta ringgit

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada 3 minit lagi.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: 2 minit sahaja, Tuan Pengerusi. Gerai dalam pasar baru ini ada 600 gerai lebih, tetapi waktu pembahagian gerai ini lebih daripada 100 orang yang menjalankan perusahaan perniagaan dalam pasar yang lama ini tidak mendapat tempat sedangkan orang-orang baru yang tidak ada pengalaman kerana dia menjadi penyokong parti pemerintah, maka dia mendapat tempat, ada kadang-kadang 3 gerai dia dapat, keluarganya belaka. Ini contoh. Kalau kita hendak menjalankan keadilan dalam tujuan hendak meningkatkan penyertaan bumiputera dan peniaga-peniaga kecil dalam negara kita ini, jangan terlalu kita mengutamakan kepentingan parti, utamakanlah kepentingan negara dan masyarakat. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Menglembu.

4.34 ptg.

Tuan Yew Foo Weng (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya ingin membuat rujukan kepada butiran 1100, muka 191, Maksud B. 21, di bawah tajuk Gaji dan Upahan untuk menggalakkan perdagangan yang telah diperuntukkan dengan jumlah \$12,461,800. Untuk penggalakan perindustrian \$1,297,000 telah diperuntukkan di mana hanya \$147,000 adalah perbelanjaan untuk pembangunan perusahaan-perusahaan kecil bagi tahun 1983.

Saya juga ingin membuat rujukan kepada Maksud P. 21 di mana Bahagian Industri-industri Kecil telah diperuntukkan dengan \$2,600,000 untuk pembangunan.

Daripada angka-angka yang termaktub dalam kedua-dua Maksud Bekalan dan Pembangunan ini adalah sangat menyedihkan bahawa Kerajaan hanya memberi tekanan yang begitu kecil terhadap pembangunan perusahaan-perusahaan kecil.

Di antara sejumlah \$32 juta untuk pembangunan, hanya \$2,600,000 sahaja yang telah diperuntukkan untuk kemajuan perusahaan-perusahaan kecil, sebaliknya sejumlah yang besar iaitu \$13 juta telahpun diuntukkan untuk mendirikan bangunan MIDA. Perbandingan yang seumpama ini sangatlah mengecewakan memandangkan bahawa dalam rancangan-rancangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengembangkan sektor perindustrian, satu tekanan yang begitu kecil sahaja yang telah diberi kepada pembangunan perindustrian-perindustrian kecil. Dengan ini adalah tidak logik bahawa Kerajaan sentiasa mengatakan bahawa penggalakan yang sepenuhnya akan diberi kepada industri-industri tempatan dalam rancangan-rancangan pembangunan mereka supaya menjadi lebih agresif dan teras eksport merupakan hakikat bahawa tulang belakang rancangan perindustrian negara adalah terletak kepada industri-industri kecil. Inilah masa untuk Kerajaan menyedari tentang keadaan-keadaan industri-industri kecil dan bagaimana ianya telah dapat dijalankan sejak bertahun-tahun lagi sebagai back yard set-up, dengan usaha yang gigih dan kecergasan individu-individu.

Selama ini pihak Kerajaan tidak memberi sumbangan yang berkesan supaya membantu industri-industri kecil untuk berkembang dan meneruskan operasi mereka. Namun demikian, terdapat juga beberapa di antara mereka telah mencapai satu kemajuan yang cemerlang dan setakat ini boleh dikatakan kukuh. Ini adalah atas usaha mereka sendiri dengan

menggunakan kaedah cuba-mencuba dan kaedah mempelajari dari kesalahan-kesalahan dan kesilapan-kesilapan.

Mungkin juga terdapat satu golongan yang dapat pergi ke negara-negara lain untuk mempelajari teknologi-teknologi baru, namun terdapat juga banyak yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan dan kebolehan-kebolehan yang seumpama ini dan tidak dapat mencapai kemajuan langsung.

Masalah yang berhadapan dengan kami adalah, adakah Kerajaan ikhlas dan serius untuk menyaksikan satu perkembangan perindustrian kecil yang progresif dan memberi bantuan dan pertolongan kepada mereka untuk memperbaiki dan meninggikan lagi teknologi-teknologi yang digunakan. Dalam keadaan yang seumpama ini, pihak Kerajaan boleh memberi bantuan teknikal melalui perkhidmatan-perkhidmatan penasihat (advisory services) dengan mengadakan program-program latihan dan sebagainya supaya membantu dalam proses pemindahan teknologi. Jika sekiranya pihak Kerajaan dapat memainkan satu peranan yang lebih konkrit, saya percaya ini akan membawa faedah yang lebih berkesan daripada perindustrian-perindustrian kecil ini mempelajari melalui kaedah-kaedah yang mereka alami sehingga sekarang.

Adalah sangat mengecewakan bahawa pihak MIDA dan MIDF setakat ini belum lagi mengambil langkah-langkah yang positif ke arah ini sungguhpun Kerajaan telah sentiasa mengumumkan bahawa MIDA dan MIDF telahpun ditubuhkan bagi maksud ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa kebanyakan skim-skim yang telah dilaksanakan

oleh MIDF dan MIDA hanya dijadikan sebagai satu rancangan di mana individu-individu dapat mengambil alih tapak-tapak perindustrian dan perniagaan sungguhpun terdapat pula beberapa skim seperti MIEL Industrial Estate yang boleh dikatakan telah mencapai kejayaan. Dengan keadaan yang seumpama ini timbul pula persoalan sama ada Kerajaan telah menunjukkan minat dan kepentingan untuk menentukan bahawa MIDA dan MIDF tidak hanya merupakan satu "ivory tower" dengan prosedur-prosedur dan birokrasi yang telah menjadi satu penghalang kepada mereka.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan pilihanraya saya iaitu kawasan Menglembu terdapat 95% industri kecil itu adalah dijalankan secara mana yang diterangkan oleh saya pada perenggan pembukaan tadi. Pihak Kerajaan telah tidak mengambil langkah untuk membantu menjalankan satu kajian supaya menentukan cara-cara bantuan yang dapat diberi untuk menjadikan industri-industri kecil ini sebagai satu sektor yang lebih dinamis. Perlu diambil ingatan bahawa industri-industri kecil ini telah membekalkan bahan-bahan teknikal dan kejuruteraan serta bantuan infrastruktur kepada industri-industri perlombongan dan pembinaan sejak beberapa tahun lalu.

Tuan Pengerusi, masanya telah tiba untuk industri-industri ini supaya mempelbagaikan dan berkembang untuk menjayakan mereka secara lebih agresif di dalam sektor pengeluaran dan bukan sahaja sebagai industri bantuan bagi sektor-sektor perlombongan dan sebagainya. Setakat ini rancangan-rancangan pihak Kerajaan adalah tidak menggalakkan memandangkan bahawa kawasan Menglembu belum lagi mendapat satu

tapak perindustrian yang baru, dengan yang demikian Kerajaan telah tidak menunjukkan minat untuk meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka ini.

Saya suka mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menyeru supaya pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan, yang positif untuk menubuhkan satu kawasan perindustrian di Menglembu bagi maksud menggalakkan industri-industri kecil yang sedia ada supaya berkembang. Dengan yang demikian, masalah pengangguran di dalam kawasan ini harus dapat diatasi. Inilah masanya untuk bertindak dan jika kita tidak bertindak pada masa sekarang, masa akan luput. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Besi.

4.44 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya sentuh B. 21, Butiran (Kod) 1100, Program (2) Penggalakkan Perdagangan, dan (b) Perdagangan Antarabangsa.

Walaupun Malaysia telah mengadakan perhubungan perdagangan dengan negeri China sejak beberapa tahun lalu, perhubungan perdagangan di antara kedua-dua negara tidak boleh dinyatakan adalah memuaskan.

Seperti yang kita semua sedar tidak ada sebarang pengeluaran dan hasil bumi Malaysia yang tidak diperlukan oleh rakyat negeri China. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri perlu mengkaji semula segala dasar-dasar yang tidak sesuai lagi supaya menambahkan serta meluaskan perhubungan perdagangan dengan negeri China. Langkah-langkah positif mestilah diambil supaya menarik balik segala syak terhadap negeri China.

Ini adalah kerana terdapat peluang-peluang perniagaan yang luas di negeri China memandangkan perbelanjaan produksi adalah rendah di situ. Negeri China juga mempunyai jumlah penduduk yang ramai dan ianya sudah tentu menjadi pasaran yang besar dan menguntungkan. Oleh sebab ini saya mengesyorkan supaya Kerajaan meluaskan serta menggalakkan perdagangan dengan negeri China.

Menyentuh B. 21, Program (3) (b) Kemajuan Perusahaan-perusahaan Kecil. Sebagai menyahut seruan Kerajaan yang berusaha menjadikan negara kita sebagai sebuah negara perindustrian yang maju, pihak berkuasa seharusnya menggalakkan orang ramai menceburkan diri di dalam lapangan perindustrian kecil. Ini jelas memandangkan dengan adanya perindustrian kecil ini bukan sahaja ianya boleh menampung masalah pengangguran tetapi juga boleh mendidik pekerja-pekerja menjadi golongan pekerja-pekerja yang cekap dan rajin.

Pihak berkuasa seharusnya menggalakkan pemilik-pemilik perusahaan kecil ini dengan membina bangunan-bangunan untuk disewakan kepada pemilik industri kecil ini dengan sewa yang berpatutan. Kerajaan juga patut mengadakan satu skim pinjaman kepada pemilik-pemilik pengusaha kecil ini untuk mereka membangunkan perusahaan dan industri mereka.

Pihak berkuasa sepatutnya menggalakkan pengusaha-pengusaha industri kecil yang mempunyai banyak pengalaman dan memberikan bantuan dan nasihat untuk kemajuan perusahaan mereka.

Tindakan pihak Bandaraya di Kuala Lumpur misalnya yang selalu mengancam ketenteraman pemilik-pemilik perusahaan kecil yang ada di

sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, hendaklah dihentikan mereka yang menjalankan perindustrian kecil ini selalunya diugut dan disaman oleh pihak penguatkuasa seolah-olah perusahaan kecil di negara ini tidak digalakkan. Tindakan ini tidak selaras dengan hasrat rakyat ketika Kerajaan sedang berusaha memajukan industri-industri kecil di negara ini. Saya berharap kejadian-kejadian seumpama ini boleh dihentikan.

Juga Kerajaan hendaklah merangka satu skim pinjaman untuk menolong pengusaha-pengusaha kecil supaya mereka dapat memaju serta memodenkan perusahaan mereka.

Pada fikiran saya, tindakan seperti memberi notis untuk merobohkan tempat atau memberi saman tidak dapat menyelesaikan masalah terhadap pengusaha kecil.

Sepatutnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mestilah memberikan bantuan kepada segala pemilik perusahaan kecil yang menghadapi masalah. Sekiranya tanah yang mereka berusaha akan digunakan untuk pembangunan. Mereka sepatutnya diberi tanah supaya mereka dapat meneruskan usaha mereka.

Tuan Pengerusi, di sini saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan kerana sudi membantu menyelesaikan masalah pengusaha kecil. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit Buntar.

4.59 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 21, Butiran (Kod) 1100, Program (2) (c) Penyertaan Bumiputera. Aktiviti penyertaan bumiputera dari segi strateginya untuk memberi peluang-peluang yang lebih banyak di bidang perdagangan dan perindustrian kepada bumiputera adalah baik.

Bahagian Penyertaan Bumiputera ini tidaklah begitu menggalakkan dari segi kekesanannya. Ini saya yakin apabila ditinjau dari segi statistik yang ada iaitu seramai 2,191 pengedar bumiputera dalam tahun 1980 dan 1981 bagi 21 jenis barang-barang untuk pengedaran adalah merupakan satu jumlah yang kecil. Statistik ini saya dapat daripada Anggaran Belanjawan—Program dan Prestasi, 1983 daripada Kementerian sendiri. Begitu juga kalau kita lihat dari segi kedudukan bilangan jawatan, dalam tahun 1982 Unit ini mempunyai 53 jawatan dan dalam tahun 1983 juga mempunyai 53 jawatan dan peruntukannya pun makin berkurangan, bahkan pada pendapat saya Unit ini dalam masa-masa akan datang hendaklah diperkuatkan lagi. Oleh itu saya syorkan supaya semua pegawai dan kakitangan di Bahagian ini hendaklah diberi latihan yang sebaik-baiknya, mungkin untuk mendapat pengetahuan yang kelak mudah mereka memberi khidmat nasihat dan pelaksanaan kepada bumiputera. Latihan ini bolehlah diperolehi oleh mereka dari Pusat Daya Pengeluaran Negara yang mana pusat ini hendaklah juga di bawah Kementerian yang sama.

Yang kedua, kita sedar pengusaha-pengusaha bumiputera kebanyakannya yang baru ingin memulakan usaha mereka berada di luar bandar. Oleh itu Kementerian hendaklah mengembangkan pejabat-pejabat Unit ini ke bawah lagi iaitu ke peringkat-peringkat daerah. Saya sedar di peringkat-peringkat daerah memanglah ada

Cawangan-cawangan Penguatkuasa, tetapi untuk kepentingan bumiputera, saya cadangkan Unit Penyertaan Bumiputera ditubuhkan sehingga ke peringkat daerah. Walaupun kita ada badan-badan yang lain, tetapi mereka hanya dapat memberi khidmat di bidang masing-masing sahaja. Saya harap Kementerian dapat menimbangkan perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya syorkan Unit ini dikembangkan sehingga ke peringkat daerah kerana kalau kita pergi ke kampung-kampung terdapat banyak barang-barang karyanika seperti tikar mengkuang, beg tangan yang dibuat daripada mengkuang, penyapu dan lekar sepertimana kata Yang Berhormat daripada Bagan Datok semalam daripada lidi kelapa, buatan-buatan buluh seperti bubu, barang-barang lain daripada kulit siput dan sebagainya. Kalau kita lihat barang-barang seperti tikar ini permintaannya sekarang ini sudah meningkat beratus-ratus ela, ini berdasarkan kepada pengalaman saya daripada pengusaha-pengusaha yang mengatakan kadang-kadang pihak hotel memohon tikar ini untuk dibuat bahan hiasan di bilik-bilik, tetapi perkara ini tidak dapat diperolehi dengan segera. Jadi barang-barang ini memang ada di dalam pasaran—dari segi pasarannya memang ada. Oleh itu pendedahan dan pemasaran barang-barang penduduk-penduduk daripada kampung atau luar bandar ini hendaklah dipertingkatkan lagi, Kementerian tidaklah boleh membiarkan tanggungjawab ini diberikan kepada pihak KEMAS di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sahaja, semestinya saya rasa kedua-dua Kementerian ini hendaklah menyelaraskan perkara ini supaya barang-barang karyanika daripada kampung ini dapat dipasarkan dengan lebih baik lagi dan ini boleh

menambahkan pendapatan penduduk-penduduk di kampung-kampung yang memang mengusahakan barang-barang kryanika ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud Pembangunan P. 22, Butiran 10 Kemajuan Perbadanan Filem Nasional yang mana Kerajaan memperuntukkan sebanyak \$3 juta, kita memang sedar bahawa kelahiran Perbadanan Filem Nasional ini adalah hasil daripada kajian-kajian Kerajaan yang teliti tentang keperluan filem-filem tempatan untuk dipasarkan.

Di dalam hal ini saya minta supaya Perbadanan ini dapat membuat kajian dari semasa ke semasa tentang kehendak atau selera penonton supaya dengan adanya kajian ini daripada semasa ke semasa pengeluar-pengeluar filem tempatan mungkin boleh dapat mengeluarkan filem-filem yang memang dikehendaki oleh penonton-penonton pada satu ketika dan perkara ini hendaklah dihebahkan kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Di samping itu Kerajaan juga hendaklah memastikan bila sesuatu keadaan selera penonton itu berkeadaan demikian, maka pihak Kerajaan hendaklah menyekat ataupun mengawal filem-filem daripada luar yang di dalam jenis atau bidang ini masuk ke dalam negara kita dengan berleluasa. Jadi dengan keadaan demikian filem-filem tempatan yang sedang merangkak-rangkak dari segi teknik dan sebagainya sudah tentu akan dapat bersaing dengan filem-filem daripada luar negeri. Sekurang-kurangnya penonton-penonton tempatan akan dapat mengemari filem-filem daripada tempatan.

Yang ketiga, saya mengesyorkan supaya pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini hendaklah merundingkan perkara menubuhkan atau membangunkan pawagan-pawagam di tiap-tiap negeri, sekurang-kurangnya tiap-tiap negeri ada satu

pawagam yang mana pawagam-pawagam ini bolehlah dipertanggungjawabkan di bawah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing, kerana dengan adanya pawagam-pawagam daripada Kerajaan sendiri maka sudah tentu dan saya yakin pengeluar-pengeluar filem tempatan akan mendapat tempat yang lebih baik di pawagam-pawagam yang berkenaan.

(Tuan Yang Dipertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

4.57 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia yang jumlahnya sebanyak \$116,000,010.

Pada pandangan saya jumlah ini adalah sangat sedikit kalau kita banding dengan kemunduran perdagangan ataupun perindustrian dalam negara kita, kalau boleh tahun hadapan pihak Kementerian mintalah lebih lagi kerana banyak masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh Kementerian ini untuk memajukan rakyat Malaysia terutama sekali kaum bumiputera.

Saya ingin merujuk kepada muka surat 191, Butiran 1100, Program (1) (2) dan (2) (c) iaitu Pentadbiran Am, Penggalakkan Perdagangan terutama sekali Penyertaan Bumiputera.

Kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun melaung-sangka bahawa kita mesti tiru apa yang berlaku di Jepun dan kadangkala laungkan satu sikap iaitu "Pandang ke Timur" atau "Look East" ramai orang-orang Jepun ataupun Korea cuba menggunakan perkataan itu, segala-galanya ia hendak membolotkan

industri di dalam negara kita ini kalau boleh, dan "Look East" yang sebenarnya ialah kita hendak tiru disiplin sepertimana disiplin yang dibuat oleh orang-orang Jepun atau orang Korea dan tatatertib serta sikap bertekun dan sebagainya itu. Apa yang penting kita tirukan dan digalakkan ialah "joint venture", tetapi sepertimana yang saya dapat tahu banyak orang bersungut bahawa "joint venture" disyaratkan 30% bumiputera mesti mengambil bahagian bersama iaitu sepertimana kata orang Jepun yang Kerajaan kita hendakkan secara itu. Tetapi kalaulah 30% sudah tentu kompeni-kompeni, syarikat-syarikat yang datang itu orang tempatan, khususnya kaum bumiputera tidak boleh mengambil peranan yang begitu cergas, kalau boleh mintalah Kementerian ini tiap-tiap perdagangan ataupun perusahaan yang hendak dijalankan secara joint venture, mestilah sekurang-kurangnya 51% anak tempatan khususnya kaum bumiputera mesti disyaratkan begitu barulah kita boleh kontrolkan perkara ini.

Kalau kita tengok bandar-bandar besar dalam negara kita sungguh sedih kerana nasib kaum bumiputera memang digalakkan oleh Kerajaan hendak memajukan, hendak menggalakkan kaum bumiputera mengambil peranan begitu kuat dengan adanya Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya, tetapi di Bandar Kuala Lumpur kita berasa sungguh sedih kalau kita tengok di mana-mana juga sangat sedikit kaum bumiputera mengambil bahagian di dalam perniagaan ataupun perusahaan di dalam bandar ini. Oleh yang demikian, kita bersungguh-sungguh harap kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya merancang bagaimana caranya kita boleh membuatkan lebih ramai orang-orang kaum bumiputera berserta dengan kaum-kaum lain di dalam Bandar Kuala Lumpur ini berniaga ataupun

menjalankan perusahaan masing-masing, sama dengan apa yang kita lihat yang dijalankan oleh rakyat Malaysia yang bukan kaum bumiputera ini.

Kalau kita tengok di dalam kilang-kilang perusahaan, tengok sahaja di mana juga kawasan perindustrian sangat sedikit industri-industri ataupun perusahaan-perusahaan dimiliki oleh kaum bumiputera. Ini sungguh sedih kerana Dasar Ekonomi Baru hendak memberi peluang kepada kaum bumiputera tetapi mengapa dan sebab apa masih berkurangan kaum bumiputera di dalam perusahaan-perusahaan yang sedang wujud di dalam negara kita ini di mana-mana juga. Banyak kawasan-kawasan industri telah wujud di dalam negara tetapi mengapa dan sebab apa kurang sangat kaum bumiputera mengambil bahagian dalamnya sepertimana dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu masalah yang kita sentiasa timbulkan ialah masalah gula. Gula di dalam negara kita ini adalah satu masalah yang sensitif. Sekarang, alhamdulillah, nampaknya gula telah banyak tetapi mengapa dan sebab apa saya bangkitkan masalah gula ini, ada masa berkurangan dan saya minta Kementerian ini mengkaji, menyiasat dan meneliti sebab apa dan mengapa kilang-kilang gula dalam negara kita pada hari ini boleh dikatakan tidak ada, cuma yang ada satu di Perlis. Ini adalah penting dan mustahak, kalau boleh pihak Kementerian ini mengkaji dan menyiasat mengapa kilang gula di Perak, di Negeri Sembilan dan juga di Kedah, kononnya, sampai \$45 juta lebih rugi, sebab apa benda ini rugi dan gula memang diperlukan oleh rakyat jelata tetapi mengapa kilang-kilang ini ada ladang tebunya, ada bangunannya tetapi gula masih tidak boleh dikeluarkan dan boleh dikatakan

perjalanannya tidak begitu teratur. Saya sungguh berharap kepada Kementerian ini menyasat, kalau boleh wujudkan semula kilang-kilang gula yang tidak bergerak di 3 buah negeri di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 200, Program 7—Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Nampaknya peruntukan yang diberi pada tahun 1983 ini \$18,972,200 adalah sangat kurang kalau kita banding dengan \$23,559,300 itu. Ini adalah sangat berkurangan, jumlah lebih \$4.6 juta kalau kita hendak memajukan Perbadanan Kemajuan Pelancungan kerana negara kita memanglah terkenal sebagai negara baik untuk pelancungan, maka peruntukan ini sepatutnya kena tambah lagi daripada apa yang Kementerian dapat tahun sudah. Ini adalah sangat mustahak dan penting kerana di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini saya dapat tahu memanglah Kementerian melalui Perbadanan ini hendak memajukan Pulau Langkawi dan lain-lain tempat di negeri Kedah, di Gunung Jerai. Kalau boleh, saya minta juga Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini mestilah jangan tinggalkan di kawasan sebelah pendalaman, janganlah kita pilih tepi laut atau di atas bukit semata-mata kerana di tempat saya di sebelah Sik adalah satu kawasan pendalaman. Kalau kita duduk di bandar sahaja dan tak pergi tengok sebelah pendalaman itu boleh merunsingkan kita lagi, maka sebab itulah di sebelah kawasan pendalaman banyak tempat-tempat yang perlu kita beri perhatian di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini kerana di Sik secara tak langsung ada satu tempat namanya Perangin, tempat itu sungguh indah. Saya minta pihak Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini, berilah perhatian supaya tempat itu boleh kita majukan yang mana orang-orang bandar boleh pergi ke kampung, ke hutan tengok keindahan di dalam bandar sepertimana boleh dikatakan seakan-akan dengan Zoo Negara.

Tuan Pengerusi, saya dapat tahu juga Langkawi telah diambil oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan sebagai tempat yang sedang dimajukan kerana saya tengok peruntukan pada tahun 1983 diberi sebanyak \$11.6 juta lebih, ini termasuklah kerja-kerja yang akan dijalankan di Pulau Langkawi. Di Pulau Langkawi saya dengar Kerajaan sedang memajukan akan mengadakan satu lapangan terbang. Saya ucap syabas kepada Kerajaan kerana hendak mengadakan satu lapangan terbang yang boleh sesuai untuk Boeing turun di sana. Pada hari ini Boeing tidak boleh turun dan, alhamdulillah, dengan inisiatif Kementerian ini dan Kementerian Pengangkutan dan sebagainya lapangan terbang Langkawi akan dielokkan.

Selain daripada itu, jalan-jalan di Pulau Langkawi patut sangat diperelekkkan lagi daripada apa yang ada dan pengangkutan-pengangkutan patutlah diberi perhatian sepertimana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian di dalam soalan saya hari itu memanglah Perbadanan ini bertanggungjawab berkenaan dengan perjalanan melalui laut, jalan dan lain-lain lagi kerana banglow-banglow sedang dibuat di sana dan ada satu hotel yang besar, iaitu Country Club telahpun wujud di Pulau Langkawi. Kita harap biarlah lebih ramai rakyat yang belum tengok Pulau Langkawi patutlah dengan kemajuan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini mesti diambil ingat oleh rakyat sekalian memang cantik. Pulau Langkawi adalah satu pulau yang begitu indah, lebih indah daripada tempat-tempat lain, tetapi saya khuatir banyak orang-orang daripada Pulau Pinang telahpun memiliki tanah-tanah di sana. Saya khuatir dan saya takut kalau-kalaulah pulau itu maju, mungkin orang-orang Pulau Pinang akan mengambil-alih tugas-tugas, baik dari segi perniagaan, pengangkutan dan sebagainya di sana. Kalau boleh

mintalah Kerajaan awasi, biarlah rakyat daripada negeri Kedah, khususnya rakyat di Pulau Langkawi sendiri mengambil peranan untuk memajukan pulau tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Bahagian Industri-industri Kecil yang di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, ini adalah satu bahagian yang sungguh penting untuk kepentingan kaum bumiputera kerana ini adalah kecil-kecil memang sesuai. Kalau boleh pada pandangan saya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjalankan tugas juga, biarlah Kementerian ini selalu berunding dan berpakat dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagaimana cara hendak memajukan perusahaan-perusahaan kecil di dalam negara kita ini. Insya Allah, saya percaya kalaulah Kementerian ini selalu ada "common dialogue" dengan Kementerian ini maka lebih ramai lagi kaum bumiputera dapat mengambil bahagian dapat memajukan sepertimana yang dirancang oleh Bahagian Industri-industri Kecil ini. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini memang melalui KEMASnya menggalakkan perusahaan-perusahaan kecil dan itu adalah jadi kebanggaan kita kerana perusahaan-perusahaan kecil yang wujud di dalam negara kita oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah jenis macam cottage industry dan ia sungguh mustahak dan penting. Kita menggalakkan perusahaan-perusahaan kecil ini kerana negara kita telah berura-ura akan membuat motokarnya sendiri kerana melalui perusahaan-perusahaan kecil ini kita percaya dan yakin lebih ramai kaum bumiputera dapat menyertai mengambil peranan sepertimana yang dikehendaki oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya sungguh berharap supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini diberi peruntukan yang lebih di masa-masa akan datang kerana peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini begitu penting dan mustahak sepertimana yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru, terutama sekali membanyakkan kaum bumiputera setidak-tidaknya 30% di dalam bahagian perdagangan dan perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya akhirnya menyokong penuh di atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Hanya ada 5 minit sahaja lagi. Yang Berhormat hendak bercakap dalam masa 5 minit? Silakan.

5.10 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit di dalam membahaskan belanjawan untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini iaitu di muka surat 161, Maksud B. 21 di bawah Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am dan juga (2) Penggalakan dan Perdagangan dan yang penting sekali ialah berkenaan dengan penyertaan bumiputera.

Walau apa pun diperkatakan sama ada di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan, sama ada penyokong Barisan Nasional ataupun Pembangkang, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana usaha-usaha untuk mencapai objektif Kementerian ini iaitu bagi menentukan pencapaian penyertaan bumiputera di dalam lapangan perdagangan dan perindustrian sebanyak 30% dan masa hanya tinggal 7 tahun sahaja lagi untuk Kementerian ini menjalankan tugasnya.

Saya menyokong penuh di atas belanjawan ini mudah-mudahan dengan kelulusan belanjawan ini

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk mencapai tujuan yang tersebut. Umpamanya dalam bidang perdagangan dalam negeri, saya suka menyentuh kepada Kementerian ini mengenai peranan yang dimainkan oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi dunia dan keadaan kemelesetan ekonomi dalam negara kita. Saya rasa sudah semestinya Kementerian ini memainkan peranan yang begitu hebat untuk memasarkan barang-barang pengeluaran di dalam negara kita untuk diperdagangkan di dalam negara kita. Apa yang penting ialah penyelarasan di peringkat Kementerian dengan Kementerian. Umpamanya, kalau Kementerian Pertanian melancarkan projek-projek untuk membanyakkkan bahan-bahan pengeluaran sama ada pengeluaran padi, pengeluaran getah, pengeluaran kelapa sawit, pengeluaran kelapa dan koko, apakah pula peranan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya dapat diselaraskan? Dengan adanya penyelarasan itu tidaklah berlaku apabila pengeluaran pertanian sama ada daripada pekebun kecil ataupun ladang-ladang di dalam negara kita ini tetapi pemasaran dan juga perindustriannya tidak berjalan dengan baik.

Umpamanya, saya masuk kepada perkara Kemajuan Perusahaan Kecil. Sebagai contoh, di dalam kawasan saya sendiri ada sebanyak 5 buah kilang minyak kelapa telah didirikan oleh bumiputera tetapi sebanyak 5 kilang yang telah didirikan oleh bumiputera tersebut yang memakan belanja beratus-ratus ribu ringgit hanya satu kilang sahaja yang berjalan dengan baik tetapi dua kilang minyak kelapa telah ditutup dan satu lagi kilang kecil atau industri kecil iaitu kepunyaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKEN) yang ada di Hutan Melintang sekarang ini sudah ditutup. Jadi inilah

peranannya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mesti mengawal dan mengawasi supaya kilang-kilang dan industri-industri kecil yang telah didirikan oleh bumiputera-bumiputera ataupun badan-badan berkanun daripada Kerajaan-kerajaan Negeri itu dijaga dan diawasi supaya ianya tidak ditutup. Saya yakin dan percaya kalau ada pengawasan yang teliti sebagaimana kilang-kilang yang lain, tidak ada berlaku penutupan kepada kilang-kilang tersebut.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan penyertaan bumiputera dalam lapangan perniagaan di gedung-gedung besar di dalam negara kita ini. Kita lihat sahaja di bandar-bandar besar terutama sekali di Kuala Lumpur, berbagai-bagai kompleks perniagaan telah didirikan oleh UDA umpamanya. Kita ada Pertama Kompleks, kita ada Ampang Kompleks, entah berapa banyak lagi kompleks-kompleks di Kuala Lumpur, di Johor Baharu, di Pulau Pinang, di Ipoh dan juga di ibunegeri-ibunegeri yang lain tetapi kalau kita pergi tinjau kebanyakannya peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan di gedung-gedung perniagaan yang besar-besar yang telah didirikan oleh UDA ataupun oleh MARA itu tetapi yang menjalankan perniagaannya ialah bukan bumiputera. Ini sangatlah mendukacitakan oleh kerana saya bimbang jika tidak benar-benar diawasi akan penyertaan bumiputera itu kemungkinan pencapaian 30% bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru yang akan tamat 7 tahun lagi itu tidak akan tercapai.

Saya tidak kira sama ada Kementerian ini melayan bumiputera-bumiputera daripada penyokong Kerajaan ataupun bukan penyokong Kerajaan, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Wakil dari Rantau Panjang tadi mengatakan di Kota Bharu diutamakan kepada

penyokong bumiputera yang menyokong Barisan Nasional. Ini sudah semestinyalah, kerana kita mesti mengutamakan penyokong kita dahulu baru kita memberi kepada orang lain. Kalau tidak nanti timbul pula perkataan mengatakan: "Kera di hutan disusui, anak di riba diletakkan".

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin menyentuh sedikit peranan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini sepertimana yang saya sebutkan pada hari semalam iaitu negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang sangat kaya dengan bahan-bahan yang diperlukan ataupun bahan-bahan mentah. Saya yakin dan percaya kalaulah sejuta orang-orang Jepun kita bawa masuk ke dalam negara Malaysia, negara Malaysia akan lebih kaya-raya dan akan lebih makmur dengan kebijaksanaan dan kepandaian mereka iaitu mempelbagaikan barang-barang yang sedia ada di dalam negara kita ini. Jadi saya rasa peranan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini supaya segala bahan yang ada di dalam negara kita ini dapat kita gunakan untuk diproses sama ada untuk menjadi bahan makanan ataupun bahan keperluan yang lain-lainnya.

Inilah harapan saya kepada Kementerian ini dan dengan ini, saya menyokong penuh di atas belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya mempersilakan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab.

5.19 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

mengambil bahagian di dalam perbahasan di bawah tajuk anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sebahagian besar daripada pandangan-pandangan yang telah diutarakan mengenai program dan aktiviti Kementerian ini telah saya ikuti dengan rapi dan teliti dan sekiranya tidak saya jawabkan dalam masa yang terhad ini memadailah bagi saya mengatakan bahawa pandangan dan teguran itu akan ditimbang dan diteliti oleh pihak Kementerian dalam menjalankan aktiviti dan programnya bagi mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan kepada Kementerian di dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawabnya itu.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membuat teguran kepada bidang Perusahaan Kecil iaitu yang merupakan tanggungjawab di bawah sebuah bahagian yang baru iaitu Bahagian Perusahaan Kecil. Ada di antara Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa sepatutnya Bahagian ini menerima peruntukan yang lebih daripada \$2.6 juta seperti yang diperuntukkan di bawah Anggaran Belanjawan bagi tahun 1983 sekiranya dibandingkan dengan peruntukan yang telah diberikan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia ataupun kepada bahagian-bahagian yang lain di bawah jagaan Kementerian saya.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini yang telah turut simpati dengan kedudukan bahagian perusahaan kecil dan telah menyarankan supaya peruntukan kepada bahagian ini ditambahkan pada masa-masa yang akan datang supaya membolehkan bahagian ini memainkan peranan yang lebih berkesan untuk membangunkan sektor perusahaan kecil supaya membolehkan sektor perusahaan kecil ini memainkan

perannya sebagai sektor yang penting di dalam hubungannya di antara sektor perusahaan sederhana dan sektor perusahaan berat di dalam konteks pembangunan serta perkembangan perindustrian negara.

Insya Allah, apabila kedudukan kewangan Kerajaan telah pulih kepada keadaan yang dahulu mungkin dapatlah Kementerian ini dan bahagian ini menerima pegawai-pegawai dan kakitangan yang diperlukan untuk membolehkan bahagian perusahaan kecil di Kementerian saya ini menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diserahkan kepadanya dan dengan cara itu dapat menambahkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang hendak dijalankan dan berikutan daripada itu akan dapatlah membelanjakan wang yang akan diperuntukkan dengan lebih banyak itu.

Walau bagaimanapun, dari segi bahagian perusahaan kecil memanglah Kementerian ini sedar bahawa masih banyak masalah-masalah asas yang dihadapi oleh perusahaan-perusahaan kecil dan kebanyakan daripada masalah-masalah ini masih belum lagi dapat diatasi. Terutamanya sepertimana pernah dijelaskan ialah bahawa pendekatan Kerajaan kepada pembangunan perusahaan-perusahaan kecil sedang dijalankan oleh berbagai Kementerian dan berbagai-bagai agensi-agensi Kerajaan dan langkah pertama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi membangunkan sektor perusahaan kecil ini ialah dengan cara untuk cuba menyelaraskan kegiatan-kegiatan ini yang dijalankan oleh badan-badan Kerajaan yang tertentu dengan kerana penyelarasan yang dilakukan itu tidaklah memerlukan perbelanjaan yang banyak dan dengan cara penyelarasan itu dapat diadakan program-program yang sama (common programme) untuk sektor perusahaan kecil. Setakat ini sebuah Jawatankuasa

Penyelarasan bagi pembangunan perusahaan kecil telah pun ditubuhkan dan telah pun berjaya meninjau dan meneliti segala masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan-perusahaan kecil.

Salah satu perkara yang mustahak ataupun satu masalah yang dihadapi oleh sektor perusahaan kecil ialah masalah mengenai tapak perusahaan dan di mana buat masa ini perusahaan-perusahaan kecil yang ada di negara ini berada dalam keadaan yang tidak teratur, diwujudkan di kawasan di bawah rumah, di belakang rumah, di depan rumah atau keadaan yang tidak sepatutnya diwujudkan perusahaan-perusahaan dan secara tidak langsung dengan wujudnya perusahaan-perusahaan ini tempat-tempat perumahan membawakan kepada keadaan membahayakan penduduk-penduduk di dalam kawasan yang tersebut dan juga mencemar keadaan alam sekeliling dan tentu sekali mencabar tingkat penghidupan masyarakat negara ini. Oleh sebab itu, sebagai satu langkah pertama yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk menyelesaikan masalah ini ialah dengan cuba mengadakan rundingan bersama dengan pihak-pihak yang tertentu terutamanya Penguasa-penguasa Tempatan. Bagi Wilayah Persekutuan, Kementerian saya telah pun mewujudkan satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Perusahaan Kecil, Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, daripada Dewan Bandaraya, dari MARA, dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, daripada MIEL, daripada Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri, daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut.

Beberapa cadangan awal telah pun dipersetujui dan rancangan-rancangan selanjutnya sedang dibuat untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang berpatutan untuk mengatasi

masalah tentang tapak perusahaan-perusahaan kecil. Di peringkat negeri-negeri peranan ini haruslah juga dimainkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun melalui Pengusaha-pengusaha Tempatan. Bahagian Perusahaan Kecil telah pun berjaya mempengaruhi Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengadakan satu kawasan yang khas bagi perusahaan-perusahaan kecil supaya dapat ditempatkan pengusaha-pengusaha di satu kawasan yang sama untuk membolehkan badan-badan Kerajaan memberikan bantuan sama ada bantuan teknik, bantuan pakar rojok dan sebagainya kepada pengusaha-pengusaha kecil yang memerlukan bantuan tersebut. Kementerian ini bercadang untuk mencari tempat-tempat yang sesuai di seluruh negara bagi mengadakan projek-projek yang sama kiranya projek percubaan (pilot project) yang akan dijalankan di negeri Kelantan itu menunjukkan riaksi dan meninggalkan kesan yang baik. Kementerian ini bercadang untuk meluaskan projek ini kepada negeri-negeri yang lain.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang agaknya menganggap bahawa Bahagian Perusahaan Kecil ini merupakan permulaan bagi Kerajaan memberi pandangan yang berat kepada sektor perusahaan kecil dan telah membangkitkan perkara-perkara yang seolah-olah tidak pernah dilakukan oleh Kerajaan. Ada yang mencadangkan supaya satu skim pinjaman kewangan diberi kepada perusahaan-perusahaan kecil. Sukalah saya memaklumkan bahawa sebenarnya untuk selama beberapa tahun Kerajaan telah pun melaksanakan skim CGC yang memangnya bertujuan untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil. Ini telah membolehkan hampir \$800 juta daripada sektor Bank Perdagangan digunakan untuk sektor perusahaan kecil kerana sebahagian besar daripada kewangan sektor bank

telah disyaratkan kepada pinjaman bagi sektor perusahaan kecil ataupun sektor syarikat-syarikat kecil.

Selain daripada tumpuan kepada perusahaan kecil beberapa Ahli Yang Berhormat telah juga menimbulkan tentang penyertaan bumiputera di mana wakil dari Pasir Puteh dan juga wakil dari Rantau Panjang sama-sama telah menyatakan kebimbangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa penyertaan bumiputera yang telah dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Bahagian Penyertaan Bumiputera tidaklah begitu berkesan. Mengikut pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ia merupakan lebih sebagai melepas batuk di tangga dan disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang yang tidak berkeyakinan bahawa pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh mencapai kejayaan di dalam bidang penyertaan bumiputera.

Dan kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini yang telah meragukan kejayaan Kementerian ini dalam segi peranaan yang sedang dimainkan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputera umpamanya, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah mengambil angka-angka yang telah ditunjukkan dalam Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi yang menunjukkan hanya bilangan dari segi pengedar-pengedar yang telah dilantik untuk tahun 1980 dan 1981 sebagai asas untuk menunjukkan bahawa rancangan penyertaan bumiputera yang dijalankan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputera tidak mencapai sebarang kejayaan. Pada pandangan beliau sepatutnya Bahagian Penyertaan Bumiputera ini meluaskan aktiviti-aktivitinya, bukan hanya kepada melantik pengedar-pengedar, bukan hanya kepada mencari dan menggalakkan penyertaan di dalam bidang industri dan perdagangan, tetapi sepatutnya menjadi nadi dan

penggerak kepada semua usaha di dalam mencapai matlamat penyertaan bumiputera atau penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Sukalah saya menyatakan bahawa mengikut dasar Kerajaan, tugas-tugas untuk menggalakkan penyertaan bumiputera bukanlah hanya menjadi tugas kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi merupakan tugas yang sepatutnya dimainkan oleh setiap Kementerian, setiap badan Kerajaan sama-sama mempunyai peranan di dalam menjayakan matlamat Dasar Ekonomi Baru oleh kerana dari segi pentadbiran setiap bidang ataupun sektor ekonomi itu ditadbirkan oleh sesuatu Kementerian yang tertentu. Oleh yang demikian, lebih baik kiranya tugas dan tanggungjawab bagi sesebuah sektor itu dikendalikan oleh bahagian ataupun Kementerian yang berkenaan.

Dalam keadaan ini bermaknalah bahawa adalah lebih baik memandangkan begitu banyak Kementerian-kementerian yang ada dalam Kerajaan Malaysia ini, begitu banyak jabatan-jabatan dan badan-badan Kerajaan, adalah lebih baik bagi setiap jabatan dan Kementerian mengkhususkan tindakan mereka masing-masing supaya janganlah kerana hendaknya banyak, kemahuan atau nafsunya besar tetapi tenaga dan kemampuannya agak terhad. Dengan sebab itu, kalaulah diserahkan bulat-bulat segalanya kepada Bahagian Penyertaan Bumiputera dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari segi mengumpulkan data dan statistiknya sahaja, saya rasa perjawatan yang ada di Bahagian Penyertaan Bumiputera terpaksa dilipatgandakan beberapa kali dan ini tentulah tidak begitu efisien dan berkesan dalam menjalankan tugasnya iaitu terutamanya dari segi bidang perdagangan dan perindustrian. Itulah sebabnya Bahagian Penyertaan Bumiputera di Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian sambil menumpukan kepada pencapaian dalam bidang guna tenaga, umpamanya, pada keseluruhannya, lebih menumpukan kepada bidang-bidang di mana ianya mempunyai pengaruh yang tertentu. Saya rasa inilah falsafah di dalam pentadbiran Kerajaan bahawa setiap Kementerian itu haruslah memainkan peranan ataupun melaksanakan sesuatu di dalam sesuatu bidang di mana ianya mempunyai pengaruh yang efektif, dan secara itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memainkan peranan untuk menambahkan bilangan penyertaan bumiputera di dalam bidang perindustrian dan juga di dalam bidang perdagangan. Dalam bidang perdagangan selama ini penumpuan telah banyak diberikan kepada perlantikan ataupun pengwujudan bilangan pengedar-pengedar bumiputera dalam sistem pengedaran negara dengan mendapat lebih banyak lagi pengedar-pengedar bumiputera dilantik oleh syarikat-syarikat yang tertubuh di negara ini dan juga di peringkat industri mengadakan hubungan di antara mereka yang berminat untuk menyertai industri dengan pemodal-pemodal ataupun pelabur-pelabur yang datangnya daripada luar negara.

Dari segi bidang perdagangan dalam negara, Kementerian ini telah pun mendapati bahawa masih ada peluang yang baru yang lebih di mana dapat ditambahkan penyertaan bumiputera iaitu di dalam bidang pengimportan ataupun di dalam bidang pemegang franchise bagi barang-barang yang diimport daripada luar negeri di mana terdapat bahawa sebahagian besar daripada barang-barang yang diimport itu masih lagi dikuasai oleh syarikat-syarikat asing. Walaupun dikuasai oleh syarikat-syarikat yang beribu pejabat di negeri-negeri asing. Di dalam konteks ini Bahagian Penyertaan Bumiputera telah pun melaksanakan satu skim untuk menggalakkan

perlantikan syarikat-syarikat bumiputera yang tulin dan yang kukuh sebagai pengedar atau sebagai pemegang-pemegang franchise kepada barang-barang yang diimport daripada luar negeri dan dipasarkan di dalam negara ini. Setakat ini kejayaan bahagian ini dalam memperluaskan ataupun menambahkan penyertaan bumiputera dalam bidang pemegang franchise telah sedikit-sedikit bertambah dan saya rasa dengan penumpuan Bahagian Penyertaan Bumiputera dalam bidang yang baru ini dapatlah ditambah lagi penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Dari segi penyertaan bumiputera dalam bidang perindustrian pula, memanglah menjadi satu syarat Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera bagi menentukan supaya setiap pemohon ataupun cadangan projek perindustrian yang dibawa kepada Kerajaan yang memohon mendapatkan lesen kebenaran dan juga mendapatkan kemudahan-kemudahan daripada Kerajaan dari segi insentif dan sebagainya, disyaratkan supaya syarikat-syarikat ini mempunyai penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 30% dan di dalam penguatkuasaan syarat-syarat ini. Apa yang telah menjadi masalah ialah bagi menghebahkan peluang seperti ini kepada golongan-golongan bumiputera yang berkemampuan untuk mengambil bahagian dalam bidang industri, melabur dalam projek-projek perindustrian seperti ini.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai peluang yang agak banyak dari segi peluang-peluang perindustrian dan juga peluang-peluang perdagangan dan seringkali yang menjadi masalah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah bagaimana peluang-peluang ini dapat disampaikan

kepada golongan pengusaha-pengusaha bumiputera secara berkesan untuk membolehkan penyertaan dan penglibatan bumiputera itu ditingkatkan dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Malangnya, sistem penyampaian ataupun sistem perhubungan atau komunikasi ini di antara mereka yang patut mengambil peluang agak kurang sangat oleh kerana ianya menggunakan saluran Dewan-dewan Perniagaan yang tertentu. Inilah satu masalah yang dihadapi oleh Kerajaan dan Kementerian Perdagangan iaitu bagaimana peluang-peluang ini dapat disebarkan dengan lebih luas lagi untuk membolehkan penyertaan bumiputera dalam bidang-bidang perdagangan dan perindustrian ditingkatkan daripada apa yang berlaku sekarang.

Tetapi bagi Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang merasa tidak begitu yakin bahawa matlamat 30% tidak akan tercapai. Saya rasa sebagai ahli Pembangkang sepatutnyalah dia tidak merasa yakin kepada dasar-dasar Kerajaan, terutamanya satu dasar yang akan menolak sebuah parti Pembangkang yang tidak mempunyai alternatif program, yang tidak mempunyai satu jawapan ataupun rancangan bagi rakyat negara ini. Tambahan lagi apabila Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang itu menyarankan supaya apabila Kerajaan memberi peluang kepada rakyat bumiputera haruslah diamalkan satu sikap untuk jangan memilih kasih, jangan melihat hanya kepada mereka yang menyokong parti, tetapi mengambil sikap yang dikatakan adil untuk membolehkan bahawa mereka yang benar-benar memerlukan sesuatu itu menerima perkara yang diperlukan. Dan yang amat pelik sekali, Tuan Pengerusi, ialah ianya datang daripada sebuah parti yang pernah mentadbir sebuah Kerajaan dan ketika partinya mentadbir Kerajaan itu tidak pula partinya menunjukkan sikap yang adil kepada golongan ahli-ahli parti politik

yang bukan datangnya daripada parti politik PAS dan di dalam segala pemberian dan pembahagian.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
(*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Dia minta penerangan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perkara yang dalam masa PAS memerintah di Kelantan dahulu yang tidak memberi peluang kepada orang-orang yang tidak menyokong PAS. Setahu saya bermacam-macam rancangan di Kelantan yang dibuat oleh pihak Kerajaan PAS termasuk perumahan diberi bukan kepada orang PAS tetapi kepada penyokong UMNO.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, dalam masa Kerajaan Negeri Kelantan ditadbirkan oleh parti Pembangkang, saya rasa tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan tersebut lebih mementingkan kepada golongan yang menyokong kepada partinya sendiri. Kalaulah Ahli Yang Berhormat itu boleh menafikan bahawa ia bersikap tidak adil dan telah memberikan kesemuanya secara adil, tidak mengira kepada fahaman politik setiap ahli, saya rasa baharulah ia boleh mendakwa atau meminta kepada pihak lain untuk bersikap adil.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, ada juga Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan tentang soal perdagangan antarabangsa di mana dicadangkan, umpamanya, ditingkatkan perdagangan dengan negara-negara membangun dan juga dicadangkan untuk mengadakan langkah-langkah perdagangan secara pertukaran barang (*barter trade*), sukalah saya menyatakan bahawa dalam perdagangan antarabangsa, pihak Kerajaan sedang mengkaji di peringkat Jawatankuasa Pegawai.

Cadangan untuk mengadakan perdagangan secara pertukaran barangan dan di dalam soal mengkaji kemungkinan untuk mengadakan perdagangan secara pertukaran barangan (*barter trade*) ini, Jawatankuasa ini sedang mengkaji supaya segala tindakan itu akan menghasilkan pertambahan pengeksporan daripada Malaysia dan bukan untuk mengganti satu pasaran yang sedia ada. Pendek kata, sebarang langkah yang patut diambil oleh Kerajaan di dalam konteks perdagangan antarabangsa, haruslah bukan untuk mengganti ataupun menukar cara yang digunakan sekarang untuk mengganti kepada pasaran yang ada sekarang, tetapi bertujuan untuk menambah kepada pasaran yang sedia ada supaya barang-barang utama negara kita terutamanya sekali dapat dipasarkan dengan lebih dan dapat mencapai harga yang lebih baik lagi. Oleh sebab itulah Jawatankuasa Pegawai yang telah ditubuhkan itu sedang mengkaji dan akan melaporkan tidak lama lagi kepada pihak Kerajaan sedang juga mengkaji, bukan sahaja perdagangan secara pertukaran barang, tetapi juga sedang mengkaji perdagangan secara *counter purchase* yang bertujuan untuk meningkatkan pembelian barang-barang daripada negara-negara maju dengan pemasaran barang-barang bahan utama yang dikeluarkan oleh negara kita supaya tidaklah setiap pembelian itu bermakna pengaliran keluar wang pertukaran asing tetapi sebaliknya memberi galakan kepada imbalan dagangan di antara kedua-dua negara yang terlibat. Dengan cara ini adalah dijangka bahawa kita akan dapat menambahkan pasaran bagi barang-barang keluaran negara kita dan disamping itu akan juga meningkatkan imbalan dagangan negara kita untuk membolehkan barang-barang keluaran negara mencapai harga yang lebih baik dan juga mempunyai pasaran yang baharu.

Selain daripada itu, saya tidaklah bertujuan untuk mengulas setiap pendapat dan perkara yang telah ditimbulkan, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Anggaran Belanjawan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan kepada mereka yang telah menyatakan sokongan kepada Anggaran Belanjawan bagi Kementerian saya, saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$84,000,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$84,000,000 untuk Maksud B.21 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$32,000,010 yang disebutkan dalam Maksud P.21 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$32,000,010 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B.22, B.23, B.24 dan B.25 (Jadual)—

Maksud P.22, P.23, P.24 dan P.25 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.22 sehingga 25 dan Kepala Pembangunan P.22

sehingga 25 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

5.48 ptg.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap Maksud Bekalan 22, muka 206, Program (2)(c) dalam Butiran-butiran 1100,1200 dan 1300 berkenaan dengan kebudayaan di bawah tajuk Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan.

Saya ingin menarik perhatian tentang kegiatan kebudayaan yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di mana setakat hari ini hasrat untuk mewujudkan suatu Kebudayaan Kebangsaan yang dapat diterima oleh semua pihak masih menjadi tandatanya di kalangan rakyat, atau dengan lain perkataan setelah 25 tahun lebih kita merdeka, kita masih tidak dapat menentukan Kebudayaan Kebangsaan yang dapat mewakili keperibadian kebangsaan Malaysia yang kita cintai ini. Setiap hari terdengar laungan-laungan dan suara dari berbagai pihak menanyakan bentuk Kebudayaan Kebangsaan, menanyakan tentang rupa Kebudayaan Kebangsaan kerana ternyata perkembangan yang wujud hari ini adalah berkecamuk sekali dan ternyata terlalu bercampur-aduk. Rakyat tidak jelas apakah tugas-tugas penyelidikan kebudayaan dan apakah hasilnya sehingga setakat hari ini yang wujud ataupun yang dilakukan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, nampaknya kegiatan kebudayaan yang lebih diutamakan oleh Kementerian hanya dalam bidang-bidang kesenian seperti nyanyian, muzik, tarian dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Butiran 1300, muka 210, Program (2)(d) di bawah tajuk Penyelidikan Kebudayaan. Saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang rumusan Kongres Kebudayaan yang diadakan dalam bulan Ogos, 1971 yang telah menetapkan tiga prinsip penting sebagai asas Kebudayaan Kebangsaan. Saya baca di sini tiga prinsip yang berkenaan ialah:

Pertama, Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini;

Kedua, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan

Ketiga, Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu.

Masalahnya sekarang ini, sejauh mana pelaksanaan ke arah pencapaian prinsip-prinsip itu telah dilaksanakan, dan jika belum sampai, bila perkara ini hendak diselesaikan.

Saya mencadangkan supaya Kongres Kebudayaan Kebangsaan Yang Kedua hendaklah diadakan bagi tujuan untuk membuat penilaian terhadap resolusi-resolusi yang telah dibuat selama ini dalam Kongres Pertama dahulu dan memikirkan halangan-halangan dan bagaimana cara-cara untuk hendak menghadapi halangan-halangan yang ada. Saya khuatir jika dibiarkan berpanjangan maka akan lahir dalam masyarakat kita sekumpulan atau beberapa kumpulan yang mengamalkan nilai-nilai hidup secara cedukan ataupun secara saduran dari nilai-nilai asing yang tidak berlandaskan bumi Malaysia dan akan menjadi lebih konflik lagi apabila masing-masing golongan suka melihat dan mengamalkan Kebudayaan Kebangsaan dari sudut kaumnya sahaja.

Tuan Pengerusi, kongres ini juga dicadangkan supaya dapat memikir dan membuat resolusi-resolusi yang sesuai tentang bidang-bidang kesenian seperti nyanyian, muzik, tarian dan lain-lain cabang kebudayaan yang seumpama itu. Pada hemat saya bidang-bidang ini, di akhir-akhir ini sudah lebih banyak membawa orang ramai ke alam khayalan semata-mata dan ini boleh melalaikan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Saya bukanlah menafikan ciri-ciri yang baik yang tersemat di sana sini di dalam seni muzik, nyanyian, tarian yang diperkembangan hari ini, tetapi yang nyata dan jelasnya kita amat kekurangan sekali bidang-bidang seni yang dapat menghidupkan jiwa yang murni, bidang-bidang seni yang dapat mengembangkan fikiran yang membina dan dapat melahirkan semangat perjuangan yang suci atau dengan kata lain rakyat kita tidak dapat dididik supaya mencintai negara melalui kebudayaan ataupun kesenian yang berkembang di negara kita hari ini.

Lagu-lagu dan senikata yang dapat menimbulkan semangat perjuangan, irama yang dapat menggerakkan bibit perjuangan, cinta dan sayang kepada negara dan ugama hampir tidak ada langsung.

Terdapat beberapa jenis tarian diselitkan unsur-unsur pemujaan, persembahan kepada sesuatu benda seperti bukit, hutan, hantu, penunggu dan sebagainya dan ada pula yang menggunakan beras kunyit, tepung tawar dan sebagainya. Perkara-perkara yang seumpama ini hendaklah diusahakan supaya dapat dijauhkan dalam kegiatan kebudayaan kita.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang seni silat sebagai salah satu daripada bidang kebudayaan kita, seni silat dan lain-lain seni mempertahankan diri yang berfungsi kepada kekuatan

jasmani adalah dicadangkan supaya digalakkan. Tetapi oleh kerana pertubuhan-pertubuhan silat yang ada di negara kita ini terlalu banyak dan mempunyai pelbagai bentuk, maka Kementerian Kebudayaan hendaklah mempersatukan pelbagai jenis seni mempertahankan diri yang ada dan dapat dirumuskan menjadi satu sebagai seni mempertahankan diri kebangsaan.

Kita lihat negara-negara jiran kita, misalnya negara Jepun mempunyai, kalau tidak silap saya, Tae Kwan-do untuk mempertahankan diri mereka, Thailand mempunyai boxingnya yang tersendiri dengan cara-caranya yang tersendiri, maka tidak ada sebab kita di negara kita di Malaysia ini tidak dapat menciptakan suatu seni mempertahankan diri yang kita namakan Seni Silat Kebangsaan, dari adunan pelbagai jenis seni silat yang ada.

Tuan Pengerusi, menyentuh dengan belia pula, Butiran 1300 dan 2800, muka 220, saya hanya ingin mencadangkan supaya kegiatan-kegiatan belia hendaklah diserapkan nilai-nilai ugama dan sivik melalui program-program yang teratur sambil menjauhkan program-program yang menyebabkan mereka hilang pedoman hidup dan mudah terceburlah kepada kerja-kerja anti moral dan anti masyarakat sebagaimana yang berlaku di negara-negara Barat.

Kegiatan-kegiatan seperti latihan kepimpinan vokasional, kemahiran teknik dan perniagaan seperti yang telah dan sedang dilaksanakan di beberapa Pusat Latihan Belia di negara ini hendaklah diperbanyakkan penyertaan-penyertaan dan dipusatkan lagi dengan cara yang lebih berkesan.

Sekarang ini ramai belia-belia yang lulus SPM dan ada yang mendapat gred I pun tidak mempunyai kerja dan tidak mempunyai kemahiran untuk bekerja sendiri. Mereka ini hendaklah diberi

latihan vokasional secara menyeluruh menurut minat masing-masing dan diberi bimbingan sehingga dapat mereka berdikari.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya juga ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan terutamanya Bahagian Penyelidikan yang ada di Kementerian itu, apakah menasabah ataupun tidak pihak Kementerian memikirkan tentang adat-adat kebiasaan yang diamalkan di negara ini seperti penyertaan anak-anak gadis ketika menyambut tetamu negara dengan cara menabur bunga, menjunjung sireh ataupun pulut dan sebagainya dengan pakaian-pakaian yang menghairahkan. Apakah cara-cara yang seumpamanya ini sesuai dengan nilai budi dan agama yang kita junjung di negara ini? Apakah cara-cara yang seumpama sambutan itu hanya memadai dengan perbarisan tentera sahaja dan dengan menghadihkan sekalungan bunga yang indah ataupun sebagainya?

Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti yang dibentangkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong.

6.00 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya sentuh kepada Maksud B. 22, muka surat 205, Kod 1100—Program, Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, Parti saya, Parti DAP tidak boleh membuat kompromi dengan Barisan Nasional dalam hal dasar memajukan rupa bangsa negara dalam tahun lapan-puluhan untuk membentuk satu negara berdasarkan kepada satu bahasa, satu bangsa.

Tuan Pengerusi, Masyarakat Malaysia ialah sebuah negara dengan berbagai agama dan berbagai kebudayaan. Pengasas-pengasas Perlembagaan kita juga ada dalam hati

mereka proposisi asas itu. Sungguhpun Perkara 4 (1) Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa Agama Islam itu Agama Rasmi tetapi perlembagaan itu juga ada mengatakan dengan terang agama-agama lain boleh dianuti oleh penganut-penganut dengan cara aman dan damai di mana-mana dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Perkara II Perlembagaan kita menyatakan setiap kumpulan agama itu berhak untuk—

- (a) Menguruskan hal ehwal agama masing-masing
- (b) Menubuhkan dan menguruskan institusi-institusi bagi agama atau hal-hal pengurusan derma; dan
- (c) Mendapatkan dan mentuankan harta-benda dan mentadbir berpatutan dengan undang-undang.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam “Malay Dilemma” mengutuskan pendapat beliau iaitu orang-orang Melayu adalah “Tuan-tuan benar bagi Tanah Melayu dan imigren-imigren itu adalah tetamu hingga mereka diresapkan dalam Masyarakat”.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tambah lagi—imigren-imigren tidak boleh diresap dalam masyarakat hingga mereka tinggalkan bahasa dan kebudayaan lama mereka.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan demikian apabila beliau berada di dalam hutan rimba politik (dengan izin) “political wilderness” selepas dipecat dari UMNO selepas Pilihanraya Umum 1969. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang pegang kemudi dan patutlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu mengkaji semula pendapat-pendapat beliau.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu mesti menerima konsep masyarakat kita ini ialah masyarakat perbagai kaum dan perbagai agama dan kepentingan perasaan toleransi dikekalkan. Tuan Pengerusi, meletakkan hanya satu kebudayaan atas masyarakat hanya boleh memecah-belahkan rakyat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti meniru kebijaksanaan dan approach peri kemanusiaan Perdana Menteri kita yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang disayangi oleh rakyat.

Pada 8hb November, tahun ini Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengutuskan di Bukit Fraser bahawa peraturan bilangan rakyat mengikut kaum tidak boleh menjadi asas menentukan aspek-aspek yang hendak disisipkan dalam kebudayaan kebangsaan. Satu peraturan begitu hanya menggelakkan kebudayaan selaras dan memecah-belahkan rakyat. Penjelasan Menteri itu apabila beliau memberi ucapan di dalam Persidangan Majlis Penasihat Kebangsaan, Kebudayaan dan Bengkel Pengurusan dan Pentadbiran bagi Majlis Kebudayaan Negeri. Menteri itu juga menegaskan mewajibkan Kajian Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ialah satu cara bijak untuk menyebarkan kesedaran kebudayaan dan kebangsaan dan juga menegaskan Islam sebagai satu aspek kebudayaan penting.

Tuan Pengerusi, bagi pendapat saya Menteri itu memijak perkara yang bahaya dengan sebab Perkara 12(3) Perlembagaan Persekutuan berbunyi:

“Tiada seorang yang boleh dipaksakan menerima ajaran ataupun menyertai satu upacara atau penyembahan agama selain daripada agama sendiri”.

Mewajibkan Pengajian Islam itu melanggar jaminan Perlembagaan itu. Saya harap Menteri yang berkenaan itu

tidak lalai apabila membuat usutan-usutan am yang melanggar bekalan-bekalan Perlembagaan kita.

Pembentukan Perlembagaan Persekutuan itu tentulah mengambil perhatian atas perkara pendudukan Malaysia itu merupakan perbagai kebudayaan dan perbagai kaum. Dalam perayaan Jubli Hari Merdeka baru-baru ini tarian Cina seperti tarian Singa dan tarian Ribbon tidak diberi tempat. Kerajaan patutnya menerangkan sebab-sebab sikap ini. Tarian Singa pada masa perayaan itu dibuat dengan tujuan menghalau fasik, mala petaka dan nasib tak baik. Tarian Singa juga dianggap sebagai satu hiburan dalam perayaan hari-hari raya orang-orang Tiongkok dan upacara-upacara penting. Tarian Singa itu tidak melanggar dengan Kebudayaan Islam ataupun Agama Islam. Kebudayaan Cina dan India hendaklah menjadi sebahagian daripada kebudayaan Malaysia. Perlembagaan Persekutuan menjaminkannya dan Kerajaan mesti juga menghormatinya.

Pada 17hb Ogos, 1981 apabila memberi taklimat kepada pemimpin belia daripada Arab Saudi, Datuk Wan Mansor bin Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, menegaskan bahawa tujuan muktamad Malaysia sebagai sebuah negara bercorak Islam dengan penuh. Tujuan ini boleh dicapai hanya dengan mengarah ke tujuan itu lambat laun dengan sebab ramainya orang-orang bukan Islam dalam negeri ini. Beliau dilaporkan menyatakan:

“Separuh sahaja daripada penduduk-penduduk 12 juta itu muslimin tetapi bakinya menganuti agama-agama lain”. Beliau juga dilaporkan dengan lanjutnya bahawa dalam ucapan proses mengislamkan orang-orang bukan Islam akan mengambil masa yang panjang.

Saya telahpun memanggil Peguam Negara menyiasat perkara ini dengan sebab perkara ini serius dan hendaklah disiasat dengan teliti untuk kepentingan orang-orang ramai. Satu laporan polis telah pun dibuat di Balai Polis Jalan Bandar, Kuala Lumpur oleh seorang pegawai tinggi DAP, Encik K. Ramesan.

Saya telah menerima surat dari Tan Sri Abu Talib Othman, Peguam Negara yang menyatakan apabila siasatan polis itu disempurnakan dan selepas membuat kajian yang teliti atas perkara ini dan juga undang-undang yang berkaitan, beliau tidak nampak justification untuk menuduh Datuk Wan Mansor di bawah mana-mana satu undang-undang. Peguam Negara mengarahkan kes itu ditutup.

Sebenarnya, saya tidak dapat menerima pendapat tidak ada justification untuk menuduh Datuk Wan Mansor dalam mahkamah atas kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh beliau.

Tiada sebarang tarik balik dibuat oleh Datuk Wan Mansor atas kenyataan beliau seperti diterbitkan dalam New Straits Times bertarikh 18hb Ogos, 1981. Selepas itu dan juga lapuran yang dikeluarkan oleh beliau bermula dengan titik itu kenakan undang-undang itu dalam hal kenyataan itu adalah luar biasa. Seperti dikatakan oleh saya dahulu bukanlah tujuan muktamad Malaysia untuk menjadi negara bercorak Islam yang penuh. Pengisytiharan kemerdekaan yang dibaca oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-Haj pada masa merayakan kemerdekaan Malaysia di stadium Merdeka pada 31hb Ogos, 1957 mencatatkan dengan terus-terang, antara lain—

Perlembagaan Persekutuan berbunyi ada peruntukkan untuk menjamin hak-hak asasi dan kebebasan rakyat.

Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan berbunyi—

“Islam ialah agama Persekutuan: tetapi agama-agama lain boleh dianuti dengan cara aman dan harmoni di mana-mana dalam Persekutuan”.

Tuan Pengerusi, terbuktinya pengarang Perlembagaan kita tiada pada bila-bila pun menyangka “Malaysia akan menjadi negara sepenuhnya bercorak Islam”. Apa dikatakan oleh Datuk Wan Mansor itu nakal dan mengikut seksyen 3 (1) (d) dan (e) Akta Hasutan 1948 menjadi suatu perkara hasutan iaitu suatu hal yang akan menimbulkan perasaan ketidak puasan ataupun huru-hara dalam golongan rakyat jelata Malaysia. Ini juga membawa permusuhan antara kaum-kaum yang hidup di negara ini. Ini juga mempersoalkan hak orang-orang bukan Islam untuk menganuti agama-agama masing-masing dan dengan itu melanggar Fasal 3 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Apa yang dikatakan oleh Datuk Wan Mansor melanggar syarat-syarat Akta Hasutan, Seksyen 4 (1) yang mengatakan:

“Siapa yang membuat satu perkara yang merupakan hasutan, membuat kesalahan dan jikalau dijatuh hukuman akan dikenakan denda \$5,000 atau dipenjarakan tidak lebih dari tiga tahun ataupun kedua-duanya sekali dan jikalau kesalahan itu diulangi semula hukumannya ialah 5 tahun penjara”.

Tuan Pengerusi, adalah suatu berita yang mengejutkan apabila seorang pegawai kanan Kerajaan berani melanggar undang-undang itu dalam satu isu yang sensitif dan boleh juga potensi meletup secara besar. Datuk Wan Mansor tiada boleh lupa bahawa Malaysia ialah negara berbilang bangsa, di mana semua rakyat ada hak

yang sama untuk menganuti agama-agama masing-masing. Kenyataan-kenyataan seperti dibuat oleh Datuk Wan Mansor akan membawa keburukan ke negara ini. Saya harap Datuk Wan Mansor tidak dapat sokongan secara sulit ataupun terusterang dari pemimpin-pemimpin UMNO dalam Kerajaan.

Saya rasa kesal tidak seorang pemimpin termasuk Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menafikan ataupun mengkritik kenyataan-kenyataan Datuk Wan Mansor.

Tuan Pengerusi, Islam juga menghormati agama-agama lain. Orang-orang Islam tidak menentang penjaminan Perlembagaan berkenaan dengan hak dan kebebasan agama-agama lain apabila hak-hak itu dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan oleh pencipta Perlembagaan itu bersama dengan hak-hak asasi yang lain adalah asas struktur Perlembagaan Persekutuan dan ialah undang-undang tertinggi bagi negara ini.

Tuan Pengerusi, apa yang dicuba oleh Datuk Wan Mansor ialah untuk goncang, dengan izin, “balance” yang nipis yang ditunjukkan oleh Perlembagaan masyarakat pelbagai corak kita ini.

Saya tidak dapat menerima seruan Tan Sri Abu Talib iaitu tiada justification bagi mendakwa Datuk Wan Mansor dalam mahkamah. Yang Berhormat Peguam Negara patutnya bagi kepentingan orang ramai menerangkan secara am, sebab tiada mendakwa Datuk Wan Mansor. Sebagai Peguam Negara, Yang Berhormat Tan Sri Abu Talib patutlah menjalankan tugasnya tanpa sebarang perasaan ketakutan ataupun perasaan sebarang kesayangan. Sementara saya memanggil Dato' Seri Dr Mahathir menyatakan kedudukan

beliau dalam hal ini dan adakah beliau menyokong kata-kata Datuk Wan Mansor.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong.

6.15 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyampaikan pandangan saya terhadap Maksud Bekalan 22—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, khasnya saya merujuk kepada muka surat 207 di bawah Butiran 1100, Program (3) Belia, (d) Pergerakan Belia.

Saya dapati bahawa jumlah peruntukan bukan sahaja dari Butiran 1100, tetapi juga dari semua Butiran bagi Aktiviti Pergerakan Belia ini telah dikurangkan dari \$3.4 juta kepada \$2.7 juta. Saya menganggap bahawa peruntukan ini tidak mencukupi memandangkan bahawa lebih kurang 40% dari penduduk kita iaitu lebih kurang 5 juta orang terdiri daripada kaum belia—tidak termasuk kanak-kanak, maka peruntukan sebanyak \$2.7 juta ini bermakna bahawa tiap-tiap orang belia hanya mendapat 50 sen bagi Aktiviti Pergerakan Belia ini. Oleh itu saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan bahawa pada amnya penyertaan belia dalam pergerakan-pergerakan dan juga pertubuhan-pertubuhan belia masih tidak memuaskan terutamanya bagi mereka yang telah meninggalkan bangku sekolah.

Mengikut anggaran dan juga pemerhatian saya sendiri belia yang terlibat dalam pertubuhan belia atau, dengan izin, "Organised Youth" hanya kurang daripada 20% jumlah belia yang berada di negara ini. Oleh itu Kementerian haruslah dengan sedaya upayanya menggalakkan penubuhan kelab-kelab belia terutamanya di kawasan-kawasan bandar khasnya di kawasan-kawasan setingan dan

rumah-rumah pangsa kos rendah. Ini ialah kerana di kawasan-kawasan bandar dan di tempat-tempat yang mundur dan sesak ini terdapatlah banyak daya penarik ataupun "distraction" ke arah yang kurang sihat dan anti sosial seperti salahguna dadah dan berbagai jenis jenayah. Kaum belia yang sering menghadapi masalah kebosanan dan perasaan tidak puas ataupun "frustration" senang sahaja dipengaruhi oleh daya-daya penarik ini. Tambahan pula para ibu bapa yang sebok dengan pekerjaan mereka masing-masing tidak pun dapat ataupun tidak tahu bagaimana mendidik kanak-kanak mereka dengan wajarnya.

Sebenarnya, pada pendapat saya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan haruslah menubuhkan pusat-pusat bimbingan belia di kawasan-kawasan bandar untuk memberi nasihat dan bimbingan kepada belia-belie yang menghadapi masalah-masalah sosial. Perkhidmatan seperti ini amatlah diperlukan terutamanya bagi belia-belie yang berhijrah dari luar bandar ke bandar.

Selain daripada masalah mencari pekerjaan yang sesuai, mereka ini sering menghadapi masalah-masalah tekanan jiwa atau cultural shock kerana gaya hidup bandar berbeza daripada gaya hidup kampung. Setakat ini perkhidmatan bimbingan belia pada amnya hanya diberi oleh usaha-usaha sukarela dan apa yang sedia ada itu sangat tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada muka surat yang sama Program (3) (e) Perpaduan Belia.

Tuan Pengerusi, memandangkan betapa pentingnya perpaduan belia bagi masa depan masyarakat kita yang berbilang kaum ini, saya merasa ragu-ragu kerana peruntukan untuk aktiviti ini pada jumlahnya dari semua butiran kurang daripada \$1 juta bagi seluruh negara.

Mengikuti pemerhatian saya sendiri, Tuan Pengerusi, satu fenomena polarisasi kaum telah dan sedang wujud di kalangan pertubuhan belia. Misalnya keahlian Gerakan 4B hampir semuanya terdiri daripada belia keturunan Melayu manakala Pergerakan Gabungan Belia Bersatu dan Tamil Youth Bell Club (TYBC) dianggotai pula oleh kaum Cina dan India masing-masing. Akan tetapi, kita tidak boleh menyalahkan para belia kita kerana fenomena ini membayangkan hakikat masyarakat kita dan adalah akibat dari corak pergaulan sosial yang semula jadi. Oleh itu sungguhpun kita semua mengharap-harapkan bahawa perpaduan di kalangan belia mahupun di seluruh masyarakat akan dan harus menjadi satu kenyataan (reality) dengan secepat mungkin tetapi kita tidak boleh cuba memajukannya secara paksa ataupun secara tergesa-gesa. Apa yang kita boleh dan perlu buat ialah secara galakan dan dorongan serta mewujudkan satu suasana yang sihat dan mesra. Dalam perkara ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh memainkan peranan yang sangat penting, misalnya bersama-sama dengan Lembaga Perpaduan Negara, KKBS boleh menganjur lebih banyak lagi kem-kem perpaduan untuk belia dari semua jenis pertubuhan belia. Di samping itu KKBS boleh menggalakkan kerjasama di antara kelab-kelab belia dengan memberi peruntukan yang khas bagi projek-projek kerjasama ini.

Satu bidang kerjasama yang harus didorong dan dianjurkan ialah kesenian dan persembahan budaya serta seni lakon. Setahu saya beberapa pertubuhan belia seperti Gabungan Belia Bersatu dan Young Malaysian Movement telah atas inisiatif mereka sendiri belajar dan mempersembahkan tarian-tarian Melayu dan India sungguhpun keanggotaan mereka itu semuanya terdiri daripada kaum Tionghua. Saya berharap bahawa

pertubuhan-pertubuhan yang lain dapat mencontohi usaha-usaha ini supaya terdapat satu keadaan di mana belia Cina tidak hanya menari tarian Cina, belia Melayu tidak hanya menari tarian Melayu dan sebagainya. Usaha ini akan menjadi lebih berkesan lagi sekiranya persembahan bersama diadakan, misalnya apabila 4B mengadakan persembahan maka GBB, YMM dan TYBC akan terus dijemput dan sebaliknya. Dan sekiranya ini berlaku KKBS ataupun Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat Negeri bolehlah memberi peruntukan khas untuk menjayakannya seperti yang telah saya cadangkan tadi. Dengan begitu kita dapatlah mengamalkan strategi program kebudayaan seperti yang disebutkan dalam Buku Anggaran Belanjawan 1983, Program dan Prestasi, iaitu "menggalakkan hubungan antara budaya, khasnya dalam bidang kesenian". Di samping itu kita haruslah mengadakan seminar-seminar perbincangan untuk belia mengenai kebudayaan-kebudayaan yang sedia ada di negara kita supaya kaum belia dari keturunan yang berlainan dapat memahami dan menghormati di antara satu sama lain.

Sebenarnya pada pendapat saya, kalau kita mengkaji secara objektif, terdapat banyak nilai-nilai asas yang sama di antara budaya-budaya yang ada di negara kita ini, misalnya nilai-nilai seperti menghormati orang-orang tua, kejujuran, perasaan peri kemanusiaan, penekanan kepada aspek rohaniah dalam kehidupan dan sebagainya. Kita haruslah mengutamakan persamaan nilai-nilai batin ini sebagai tapak pertama untuk perpaduan dan janganlah membesarkan perbezaan yang bukan-bukan.

Tuan Pengerusi, selain daripada peruntukan khas yang telah saya cadangkan, saya ingin juga menyeru Kementerian untuk memberi peruntukan biasa kepada semua

pertubuhan belia secara adil dan saksama. Hanya dengan begini barulah kita boleh mengurangkan perasaan tersingkir di kalangan-kalangan belia yang tertentu dan juga dengan ini kerana mereka menerima layanan yang sama maka mereka akan bersedia untuk mengambil inisiatif supaya bekerja bersama di antara satu sama lain.

Itulah sahaja, terima kasih.

6.26 ptg.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Pengerusi, saya berdiri adalah untuk menyokong anggaran peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu Maksud P.22 yang berjumlah \$66,995,860.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran 41, mukasurat 229 mengenai dengan peruntukan Tapian Gelanggang Negeri Sabah yang hanya diuntukkan sebanyak \$10 token vote.

Tuan Pengerusi, tiada siapa boleh menafikan bahawa sukan adalah merupakan satu kegiatan yang penting di dalam kehidupan kita seharian. Sukan adalah penggerak kepada kesihatan jasmani masyarakat. Oleh hal yang demikian, sukan haruslah digalakkan di kalangan rakyat, terutama sekali kaum belia dan beliawanis di negara ini. Sihatnya belia maka akan majulah negara kerana belia adalah penggerak penting di dalam pembangunan negara.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum setiap kegiatan sukan menghendaki tempat dan gelanggang yang tertentu. Mundur-mandirnya dan maju jayanya taraf sukan di negara ini bukan sahaja terletak di atas kemampuan para peserta dan ahli sukan itu sendiri tetapi yang penting juga ialah kewujudan fasilitas yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, negara kita adalah dikenali dan disegani di rantau ini sebagai sebuah negara yang maju di segi sukan, terutama sekali di bidang olahraga, badminton, bolasepak dan hoki. Adalah menjadi harapan dan impian kita semoga taraf pencapaian di segi ini akan dapat terus dipertahankan, ini mungkin hanya dapat dipertahankan jika fasilitas yang tertentu dapat diperbanyakkan lagi di seluruh negara.

Adalah sudah menjadi tanggungjawab seluruh warganegara di negara ini bukan hanya semata-mata dari ahli-ahli sukan sahaja untuk menaikkan imej Malaysia di bidang sukan di peringkat antarabangsa. Di dalam hubungan ini negeri Sabah tidak juga ketinggalan di dalam menyumbang ke arah matlamat ini. Banyak ahli sukan dari negeri itu telah dan sedang menyertai pasukan-pasukan kebangsaan seperti di arena bolasepak, olahraga, bola keranjang dan sebagainya. Namun demikian, saya berpendapat bahawa Kerajaan haruslah memberikan kemudahan asas seperti menyediakan fasilitas yang tertentu, umpamanya membina tapian gelanggang di setiap buah negeri. Adalah sangat mengecewakan bahawa anggaran tahunan bagi tahun 1983 peruntukan yang diberikan di dalam pembinaan tapian gelanggang di Sabah hanya diberikan \$10 sahaja. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya menimbang semula peruntukan ini agar pembinaan tapian gelanggang di Sabah itu akan dapat diteruskan.

Tuan Pengerusi, keharuman nama negara bukan sahaja dinilai melalui prestasi ekonomi dan politiknya sahaja tetapi ia juga dinilai melalui prestasi (performance) di segi sukan. Kita telah mencapai kemerdekaan sesuku abad, kita telah menyertai beberapa pertandingan sukan di peringkat antarabangsa. Walaupun kita telah mencapai beberapa kejayaan tetapi ia

belum lagi boleh mengharumkan nama negara ini di peringkat antarabangsa seperti yang kita harapkan. Walaupun kita sedikit lagi mencapai kejayaan baru-baru ini apabila Saudara Misbun Haji Sidek hampir-hampir merebut piala kejohanan badminton dunia perseorangan, tetapi hingga ke hari ini kita belum lagi dapat menggondol sebarang pingat emas pun di Sukan Olimpik. Siapakah harus kita persalahkan di dalam hal ini, di manakah kesalahan kita dan kesilapan kita? Kita harus meninjau diri kita sendiri dengan lebih jauh lagi dan juga meninjau sikap para dan ahli sukan dan mereka yang terlibat di dalam hal ini. Kalau ahli sukan orang-orang Jepun boleh menggondol pingat emas begitu banyak di Sukan Olimpik, tiada sebab kenapa dan mengapa olahragawan-olahragawan ataupun olahragawati-olahragawati kita tidak dapat mencapai kejayaan yang sama.

Tuan Pengerusi, perkara ini sebenarnya kita boleh mencapai kejayaan ini jika orang-orang yang berkenaan yang terlibat secara langsung di dalam sukan ini dan juga Kementerian yang berkenaan benar-benar menyelidiki kenapa hal ini boleh berlaku dan benar-benar mahu mengambil tindakan positif untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, untuk menentukan sama ada sesuatu pasukan itu akan dapat mencapai kejayaan di dalam sesuatu pertandingan adalah terletak di bahu peserta itu sendiri. Di dalam memastikan kejayaan ini maka perlulah kita menumpukan perhatian sepenuhnya kepada mereka. Kita haruslah memahami hakikat bahawa mereka ini adalah juga pejuang negara demi meninggikan imej negara di peringkat antarabangsa. Oleh hal yang demikian Kerajaan haruslah memberi galakan dan bantuan yang perlu kepada mereka ini. Kerajaan dan mereka yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal sukan negara haruslah memahami atas keperluan para dan

ahli sukan ini demi memastikan bahawa mereka ini akan senantiasa di dalam suasana yang tenteram, dengan jiwa yang tenteram dan siap sedia menghadapi segala pertandingan sukan yang disertai oleh mereka.

Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu Yayasan Sukan khas untuk membantu, memberi insentif dan menjaga kebajikan para dan ahli-ahli sukan negara dengan harapan semoga prestasi sukan di negara ini akan lebih maju lagi dan setanding atau setaraf dengan negara-negara yang maju di dunia ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Parit.

6.34 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Maksud Bekalan 22 yang berjumlah \$51,995,400.

Di sini saya ingin memperkatakan Butiran 1100, Program (2) mengenai Kebudayaan. Kita telah mendengar perbincangan-perbincangan yang dibuat oleh para budayawan kita dan tidak kurang pula dari para pemimpin yang selalu mempersoalkan bagaimanakah membentuk Kebudayaan Nasional. Dalam masalah ini kalau kita meneliti benar-benar akan definisi kebudayaan iaitu secara kasar, bolehlah kita katakan kebudayaan itu ialah satu cara hidup; cara hidup yang terangkum di dalamnya segala struktur, fungsi, pola dan proses yang berkaitan dengan tingkah-laku manusia melalui berbagai

sistem, institusi dan organisasi yang terdapat di dalam sesebuah masyarakat. Terbentuknya pula budaya sesebuah negara itu ialah dari kelahiran cara hidup masyarakat setempat ataupun rantau di mana masyarakat asal negara itu. Maka dari sini sudah tentulah kalau di negeri Thai misalnya maka kebudayaan Siam itulah kebudayaan negara; di India maka kebudayaan India itulah kebudayaan negara; begitulah di negara-negara yang lain. Maka bagaimana pula dengan keadaan di Malaysia. Oleh itu, bagi membentuk satu kebudayaan negara Malaysia tidaklah menasabah ada pihak yang menyatakan bahawa kebudayaan Cina dan kebudayaan India hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada Kebudayaan Nasional seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebentar tadi.

Kebudayaan Nasional seharusnya dibentuk dari panduan budaya-budaya peribumi negara ini walaupun negara ini didiami juga oleh berbagai-bagai kaum yang lain. Walaupun begitu kita tidaklah dapat menafikan bahawa terdapat berbagai-bagai bentuk ataupun berbagai-bagai unsur kebudayaan dari negara luar telah diasimilasikan ke dalam budaya asal negara ini. Misalnya istiadat perkahwinan dan makan sirih yang berasal dari India, cara makan dan cara berpakaian yang diresapi oleh budaya Barat dan budaya Cina dan berbagai-bagai lagi bentuk budaya luar yang telah sebatu dengan budaya peribumi di negara ini.

Oleh itu, di dalam usaha untuk mewujudkan satu kebudayaan Nasional, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah benar-benar tegas dan berhati-hati supaya ianya benar-benar melambangkan satu kebudayaan yang dapat dibanggakan serta meletakkan imej dan maruah negara di tempat-tempat yang sewajarnya. Adalah menjadi dasar

Kerajaan kita tidak menghalang corak-corak kebudayaan atau kesenian kaum-kaum bukan anak peribumi mempersembahkan dan mengekalkan kebudayaan mereka. Tetapi hendaklah persembahan mereka ini di tempat dan masa yang sesuai dan menasabah, khususnya di dalam perayaan-perayaan dan hari-hari kebesaran kaum masing-masing kerana persembahan ini adalah merupakan satu daripada kesenian atau satu daripada corak budaya yang terdapat di negara dari mana asalnya hasil budaya tersebut.

Saya berikan contoh seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong iaitu Tarian Singa dan persembahan daripada India, misalnya Kavadi. Bentuk ini adalah merupakan satu daripada kesenian atau budaya yang terdapat di negeri China dan negeri India, maka tidaklah menasabah di negara kita juga mempunyai satu budaya yang sama dengan kebudayaan yang ada di negara lain. Maka tidaklah kena pada tempatnya sekiranya persembahan atau permainan ini dipersembahkan di dalam upacara-upacara rasmi negara ataupun di upacara-upacara menyambut kedatangan tetamu-tetamu agung yang melawat negara ini walaupun kita menghormati corak budaya dan kesenian daripada kaum-kaum yang saya sebutkan tadi. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan salah faham dari pelawat-pelawat daripada negara luar terhadap corak budaya yang terdapat di negara Malaysia.

Di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setelah 25 tahun kita merdeka setakat ini sejauh manakah usaha-usaha bagi membentuk kebudayaan nasional telah tercapai.

Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B. 22, Butiran 1200, Program (4), muka surat 209 iaitu mengenai sukan.

Saya ingin sentuh sedikit, iaitu kita sedia maklum bahawa sukan adalah merupakan satu daripada makanan jasmani kepada ahli-ahli sukan dan makanan rohani kepada peminat-peminat sukan. Saya percaya bahawa bilangan peminat-peminat sukan ini adalah berlipat kali ganda bilangannya daripada ahli-ahli sukan itu sendiri. Oleh itu pihak Kerajaan, pihak Kementerian dan pihak-pihak yang menjadi pengelola sukan ini hendaklah sentiasa memikirkan kepentingan peminat-peminat sukan di tempat yang paling atas selain daripada kepentingan ahli-ahli sukannya.

Saya timbulkan masalah ini oleh kerana memikirkan ataupun bagi mewakili beratus-ratus ribu peminat-peminat sukan seperti bolasepak misalnya, di atas kekecewaan mereka kerap kali berlaku tidak dapat menyaksikan siaran secara langsung beberapa perlawanan yang besar-besar antara pasukan negara dengan pasukan negara luar. Kalau ditanya pihak RTM, selalu jawabnya bahawa kegagalannya menayangkan secara langsung pertandingan tersebut kerana tidak mendapat persetujuan dari FAM dan berbagai-bagai alasan yang lain. Kalau ditanya pihak FAM pula, mereka mengatakan pihaknya akan menanggung kerugian kalau ditayangkan terus menerus. Di sini kelihatanlah salah menyalah sesama sendiri, seperti cerita dongeng orang tua-tua, "mengapa bangau kurus". Maka untuk menyelesaikan masalah ini, saya rasa eloklah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjadi ular yang akan dapat menyelesaikan pertengkaran mengapa bangau kurus tadi.

Tuan Pengerusi, secara ringkas saya ingin pula menyentuh P.22, Butiran 11—Projek Belia Peladang, iaitu memandangkan peruntukan bagi projek belia peladang dan juga projek belia niaga bagi tahun 1983 dikurangkan daripada peruntukan

1982. Peruntukan untuk belia niaga banyak bertambah. Ini saya ucapkan tahniah.

Memandangkan objektif rancangan belia niaga dan projek belia peladang ini begitu mencabar dan membantu dalam usaha-usaha mengurangkan pengangguran di kalangan belia-belia maka amatlah molek pembahagian bantuan kepada negeri-negeri ditambah.

Saya berikan contoh di sini iaitu bagi negeri Perak sahaja, peruntukan bagi rancangan-rancangan belia berniaga bagi tahun 1982 hanyalah sebanyak \$405,000 dan bagi rancangan belia peladang hanya sebanyak \$175,000. Dengan peruntukan yang sekecil ini, sudah tentulah amat kecil bilangan belia-belia yang akan dapat dibantu untuk berniaga dan amatlah sedikit projek-projek yang dapat dibuat di dalam rancangan projek belia peladang. Kalau kita lihat objektif rancangan belia berniaga amatlah luas sekali iaitu rancangan-rancangan ini pada keseluruhannya dirangkakan bagi mendorong dan melahirkan usahawan-usahawan di kalangan belia-belia terutamanya mereka yang menganggur. Tetapi dengan wang yang sedikit itu, sudah tentulah sedikit sangat bantuan dan bilangan belia-belia yang dapat diberikan bantuan.

Dalam konsep projek belia peladang, struktur pertanian merupakan salah satu sektor yang terpenting dalam ekonomi negara. Pembangunan sosio-ekonomi penduduk luar bandar adalah bergantung kepada usaha-usaha ke arah pembangunan pertanian. Rancangan belia peladang diatur untuk membolehkan belia-belia khususnya belia-belia di luar bandar melibatkan diri secara langsung dalam bidang pertanian dan menganggapnya sebagai pekerjaan yang menjamin hidup mereka. Tetapi dengan peruntukan yang saya sebutkan tadi sudah tentulah rancangan-rancangan yang ingin diatur

ataupun diusahakan oleh belia-belia tidak akan tercapai dan Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri sudah tentu tidak akan dapat memberikan bantuan kepada pemohon-pemohon peringkat belia untuk mencuba dalam dua rancangan yang saya sebutkan tadi. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya minta Menteri yang berkenaan menjawab.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya minta peluang satu minit sahaja untuk berucap.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, tak dibenarkan.

6.45 ptg.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menjelaskan pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang nampaknya banyak juga menaruh minat kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Atas pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Saya mungkin tidak dapat menjawab semua soalan-soalan atau menerima semua pandangan-pandangan yang telah dikemukakan tetapi saya yakin jawapan-jawapan sekadar yang sempat dijelaskan dalam masa yang singkat ini dapat membantu Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap apa-apa jua yang diragukan, bagi Kementerian pula soalan-soalan itu akan membantu Kementerian untuk membaiki lagi perkhidmatannya. Bagi pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dikemukakan itu, Kementerian akan mengambil perhatian yang serius.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selain daripada bertanggungjawab kepada masalah kebudayaan, belia dan sukan

selama ini telah juga diberi tanggungjawab tambahan dengan diletakkan di bawahnya Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara yang pula memang sesuai dengan tanggungjawab Kementerian ini dalam menyumbangkan socio-cultural input dalam nationhood dan nation building. Pelaburan kita dalam belia, sukan dan budaya nasional adalah pelaburan jangka panjang yang amat penting bahkan peruntukan yang disediakan terlalu kecil jika dibandingkan daripada ganjaran yang akan diperolehi darinya, lebih-lebih lagi sebahagian besar dari penduduk negara ini terdiri daripada belia dan masa yang diperuntukkan dalam perbincangan inipun terlalu singkat, tidak sampai tiga suku jam yang menggambarkan betapa pandangan terhadap Kementerian ini.

Saya yakin dengan adanya pandangan-pandangan yang begitu jauh terhadap Kementerian ini lebih-lebih lagi dalam bidang-bidang yang tertentu dapat kita sama-sama memanfaatkan peruntukan yang telah disediakan bagi Kementerian ini bagi membina satu negara yang mempunyai identiti yang berasaskan kepada falsafah negara iaitu khususnya Rukun Negara. Sepintas lalu program-program besar dalam Kementerian ini dari segi pembahagian kebudayaan, belia dan sukannya, dari segi kebudayaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pembangunan dan penggalakan kebudayaan, penyelidikan kebudayaan, perhubungan dan urusetia dan juga pendidikan serta pembangunan kesenian.

Tuan Pengerusi, nampaknya dalam perbincangan bagi peruntukkan Kementerian ini masalah kebudayaan yang menjadi saranan dan juga menjadi minat yang utama antara Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih dan juga mengambil pandangan yang berat

terhadap masalah-masalah yang dikemukakan lebih-lebih lagi masalah budaya nasional.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah dengan tepatnya menyampaikan satu saranan terhadap dakwaan dan juga keraguan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu bahawa biarlah Kementerian ini menjadi ular yang akan menyelesaikan pertelingkahan mengapa bangau itu menjadi kurus dan insya Allah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menentukan supaya masalah bangau menjadi kurus itu tidak dipersoalkan lagi apabila ular menelan segala-galanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dari segi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bahagian Kebudayaan, Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan telahpun membuat beberapa program yang besar seperti antaranya untuk menentukan pembangunan budaya nasional ini dari segi pembinaan kesenian tradisional dan kesenian rakyat dari segi pembinaan kesenian sezaman, dari segi khidmat sosio-budaya ke arah integrasi kaum dan juga kem-kem tunas budaya, Biro Khidmat Nasional dan Penggerak Budaya dan sebagainya ialah untuk menyediakan tapak-tapak ataupun asas-asas pembinaan budaya nasional bukan dari segi jangka pendek tetapi dari segi jangka panjang kerana budaya nasional tidak memakan masa setahun atau sedekad bahkan belum tentu lagi seabad ada pepatah menyatakan:

“Rome was not built in a day”.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yakin kepada cara evolusi dan evolusi ini yang menentukan satu budaya puncak, budaya nasional yang diterapkan dan dibina dari satu base masyarakat majmuk yang kita harap Rukunegara lah akan menjadi semangat dan roh kepada budaya nasional itu. Dan tidak ada soal

mengapa dari segi mewujudkan notion parallelisme dalam pembinaan kebudayaan nasional ini yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang tidak mahu kesan penyatuan, yang tidak mahu kesan dalam mewujudkan satu budaya nasional. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah mempersoalkan bahkan mempersendakan beberapa masalah tunjang, masalah pokok dalam pembinaan budaya nasional ini dan telah menimbulkan perkara-perkara yang agak tidak relevant dari segi pembinaan budaya nasional.

Kita sepatutnya mencontohi bagaimana Negeri-negeri Selat seperti Melaka, Pulau Pinang dan sebagainya yang telah dapat mewujudkan satu sintesis awal terhadap asimilasi negara terhadap pembinaan atau penyatuan rakyat dan kaum menerusi SBC (Straits Born Chinese) dan juga kaum ceti Melaka dan sebagainya yang telah dapat menunjukkan betapa kaum-kaum dalam negara ini boleh bersatu padu kalau ada political will-nya, kalau ada semangat, kalau ada rohnya tetapi malangnya usaha penyatuan kaum ini yang telah dibuat lebih lama, lebih awal sebelum mereka telah dihancurkan leburkan oleh political chauvinist yang ditimbulkan oleh parti-parti pembangkang dan kadang-kadang bersembunyi di sebalik immunity Dewan yang mulia ini untuk menyemaikan benih-benih perkauman dan juga benih-benih perpecahan dengan slogan-slogan yang mahu menekankan kepada perpecahan dan juga parallelisme. Kita telah melihat bagaimana negara-negara maju telah tidak dapat disatukan lagi oleh kerana mereka mahu berpecah. Kita telah melihat bagaimana perlembagaan negara-negara maju seperti Belgium yang telah dimaktubkan di dalam perlembagaan untuk sentiasa sampai bila-bila berpecah antara penduduk-penduduk yang berbahasa Flemish, French—Perancis dan Jerman yang tidak mahu disatukan dan termaktub

dalam perlembagaan dan kita harap Ahli-ahli Pembangkang tidak mahu menyarankan satu negara yang tidak berpadu

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya mahu minta jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, masa tidak cukup. Kementerian hanya diberi tiga suku jam untuk membahas.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak mahu beri jalan.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Saya tidak mahu beri jalan disebabkan tidak cukup masa, Tuan Pengerusi.

Pada pokoknya dari segi kebudayaan, yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi telah mempersoalkan apakah asas-asas dan Kementerian telah mengasaskan sebagai lanjutan daripada perjuangan kemerdekaan negara dan pembangunan sebuah negara kepada satu Kongres Budaya Nasional yang telah menetapkan tiga asas pokok bagi pembinaan satu budaya nasional. Dan kita yakin bahawa Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang tidak memutar-belitkan bahawa unsur atau element Islam sebagai memupuk kepada pembinaan satu budaya nasional tidak digembargemburkan dengan memetik ataupun dengan sengaja mengada-adakan atau membesar-besarkan kenyataan-kenyataan yang sepatutnya ataupun sewajarnya merupakan satu hakikat bahawa inilah nantinya merupakan asas-asas kebudayaan iaitu budaya serantau, Islam dan juga budaya asalnya dari negara ini yang akan menjadikan asas-asas kebudayaan.

Tuan Pengerusi, dari segi sukan, Kementerian telahpun menekankan program-program tertentu dari segi

sukan yang telah diberikan kepada empat bahagian iaitu (1) Bahagian Penggalakkan Sukan; (2) Bahagian Khidmat Sukan; (3) Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi; dan (4) Bahagian Penasihat Perubatan Sukan.

Kementerian menekan bahawa tema dari segi pembangunan sukan ialah sukan untuk semua sports for all ataupun sukan untuk masyarakat dan sukan dikendalikan di dua peringkat, satu peringkat ialah untuk melibatkan semua rakyat dalam kegiatan-kegiatan sukan seperti mengadakan minggu sukan dan sebagainya dan peringkat yang kedua ialah mewujudkan ataupun mengendalikan Majlis Sukan Negara yang telah di reactivate pada tahun ini dan tahun lepas untuk menentukan high performance sukan supaya dapat menjamin dari segi prestasi sukan di bidang-bidang perlawanan ataupun pertemuan antarabangsa dapat mengharumkan lagi negara dari segi prestasinya. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas yang telah menekankan bahawa negara terkenal bukan sahaja dari segi ekonomi dan politiknya begitu juga terkenal dari prestasi sukannya. Kita sungguh berasa bangga dengan prestasi (performance) yang ada pada hari ini bahkan usaha-usaha Kementerian untuk mewujudkan bukan sahaja fasilitas ataupun usaha-usaha prasarana sukan yang akan meliputi di peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan juga peringkat daerah dan bukan sahaja kita telah membina beberapa tapiian gelanggang di tiap-tiap negeri bahkan juga Kementerian telah memulakan usaha-usaha untuk membina mini stadium ataupun mini kompleks sukan di daerah-daerah untuk menentukan bahawa dari peringkat daerahnya sukan akan dapat melibatkan rakyat daripada peringkat daerah lagi telah melibatkan diri mereka dengan sukan, dengan adanya kemudahan-kemudahan itu. Di samping itu . . .

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok, 18hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.